

PANDANGAN DONG JIAO ZONG TERHADAP PELAN INDUK PEMBANGUNAN PENDIDIKAN 2006-2010

(1) PENDAHULUAN

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 16 Januari 2007 dengan iringan Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein. Pelan tersebut yang diterbitkan dalam bahasa kebangsaan terbahagi kepada 10 bab dengan 142 muka surat.

Sebelum ini, Kementerian Pelajaran sudah menghasilkan satu dokumen penting, iaitu "Pembangunan Pendidikan 2001-2010, Kementerian Pendidikan Malaysia" (PPKPM) pada Oktober 2001. Memandangkan PPKPM berkait rapat dengan pembangunan pendidikan negara dalam jangka masa 10 tahun yang akan datang, maka Dong Jiao Zong (DJZ) menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi meneliti pelbagai aspek yang terkandung dalam PPKPM. Pada Oktober 2002, Dong Jiao Zong mengumumkan pandangannya terhadap PPKPM. Pada halnya, tempoh perancangan PPKPM adalah sehingga tahun 2010. Akan tetapi, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sekarang pula mengumumkan "Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010" (PIPP). Dalam erti kata lain, PIPP menjadi garis panduan bagi pembaharuan dan pembangunan pendidikan negara dalam jangka masa 4 tahun akan datang.

Dalam ruangan kata alu-aluan PIPP, Perdana

Menteri menegaskan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang menghadapi cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan abad ke-21, negara kita perlu melakukan satu anjakan besar dalam pembangunan modal insan dari segi keupayaan dan intelek untuk meningkatkan tahap produktiviti dan daya saing negara, dan seterusnya mencapai Wawasan 2020. Selain itu, kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara. Pembangunan sistem pendidikan bertaraf dunia tersebut tidak hanya tertumpu kepada pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan mampu bersaing di pasaran kerja global, malah perlu membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi. Perdana Menteri juga menegaskan bahawa memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara majmuk, sistem pendidikan tersebut juga perlu mampu membangunkan masyarakat bersatu padu dan bertoleransi.

Ketika dalam ucapan majlis pelancaran PIPP, Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menyatakan bahawa PIPP mengambil dua pendekatan utama, iaitu menyelesaikan tugas yang masih belum selesai dalam rancangan lima tahun sebelum ini, dan mengembangkan sepenuhnya potensi sekolah dan institusi pendidikan sehingga mengangkat nama dan imej negara di mata dunia. Beliau berkata,

pelaksanaan PIPP dan Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11 diharap dapat membantu negara merealisasikan Wawasan 2020. PIPP yang bertema “Merintis Pembaharuan - Satu Misi Nasional” tidak merupakan satu pembaharuan yang serta-merta, tetapi menyediakan satu landasan kukuh untuk melaksanakan pembaharuan secara keseluruhan.

Dalam ruangan prakata PIPP, Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menegaskan bahawa PIPP bertujuan memperkemas pelaksanaan program pendidikan dan memantapkan lagi proses pembinaan modal insan secara menyeluruh dan berterusan supaya hasilnya berupaya memenuhi kehendak tempatan dan antarabangsa, di samping mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia dalam arena global. Beliau menyeru setiap lapisan masyarakat dapat bersama-sama berusaha untuk meletakbetulkan (*reposition*) dan merekaraya (*reengineer*) sistem pendidikan negara. Sehubungan itu, pendekatan terbaik bagi lima tahun pertama menjelang tahun 2020 adalah untuk menyamarata dan menyediakan peluang pendidikan berkualiti untuk semua serta melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan yang sedia ada. Selain itu, Beliau juga menegaskan bahawa di bawah panduan PIPP, “Jika seseorang kanak-kanak memasuki Tahun Satu pada tahun 2005, kanak-kanak ini akan melalui sistem pendidikan kebangsaan selama 11 tahun pada tahun 2015, seterusnya belajar setahun di matrikulasi dan empat tahun institut pengajian tinggi. Kanak-kanak ini akan keluar ke dunia pekerjaan pada tahun 2020. Kelompok pelajar selepas inilah yang akan menjadi tenaga kerja, warga negara dan pemimpin pelapis pada masa itu. Impak daripada sistem pendidikan yang dirancang pada masa ini hanya akan dapat diukur selepas tahun 2020”.

Memandangkan PIPP tersebut merupakan garis panduan pembangunan dan pembaharuan pendidikan negara, maka Dong Jiao Zong selaku peneraju utama bagi pendidikan bahasa ibunda Cina, telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi meneliti dan mengkaji pelan tersebut secara objektif dan berasaskan fakta, dan seterusnya mengemukakan

pandangan dan cadangannya terhadap PIPP kepada kerajaan.

(2) ISI KANDUNGAN UTAMA PIPP

Kandungan PIPP terbahagi kepada 10 bab. Bab 1 - 3 meliputi kedudukan, misi dan strategi keseluruhan PIPP. Bab 4 - 9 merupakan enam teras strategi PIPP. Bab 10 menggariskan pakej dan mekanisma pelaksanaan PIPP.

2.1 Bab 1 – Bab 3: Kedudukan, misi dan strategi keseluruhan PIPP

Bab 1

Bab ini memperjelaskan Misi Nasional yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Misi Nasional merupakan satu rangka kerja untuk mencapai wawasan dan matlamat negara dalam jangka masa 15 tahun akan datang. Misi Nasional meliputi tiga rancangan pembangunan negara lima tahun. Kejayaan lonjakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) akan meletakkan asas kukuh bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11).

Misi Nasional memberi penekanan tinggi kepada pembangunan modal insan “minda kelas pertama” dan bina upaya. Pendidikan memainkan peranan penting dalam menjayakan kelima-lima teras Misi Nasional, terutamanya teras kedua dan ketiga. Dalam usaha menjayakan Misi Nasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan PIPP yang menggariskan dasar, matlamat, cabaran, fokus dan strategi pelaksanaan. PIPP merupakan elemen utama bagi kejayaan Misi Nasional.

Bab 2

Bab ini memperkenalkan perubahan dan pembangunan sistem pendidikan negara dari zaman pramerdeka hingga kini, khasnya pencapaian pendidikan selepas tahun 1991. Bab ini juga menjelaskan masalah dan dilema yang dihadapi dalam pembangunan pendidikan negara pada hari ini, dan seterusnya menegaskan bahawa sistem pendidikan

negara hendaklah diangkat ke tahap yang lebih tinggi bagi menghadapi era globalisasi. Pembangunan sistem pendidikan negara berlandaskan empat 4 teras utama, iaitu akses kepada pendidikan; ekuiti dalam pendidikan; kualiti dalam pendidikan; serta kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan. Oleh itu, KPM menggubal dan melaksanakan pelbagai langkah-langkah pembangunan pendidikan berdasarkan teras utama tersebut bagi mencapai matlamat pendidikan.


Bab 3

Bab ini menegaskan bahawa PIPP merupakan satu dokumen perancangan pembangunan pendidikan yang bersepadu, menyeluruh, dan tidak tertumpu pada satu jenis sekolah, lokasi, dan kaum. Agenda utama KPM adalah untuk membangunkan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai sekolah pilihan utama masyarakat kerana

majoriti pelajar belajar di SK. Walau bagaimanapun, KPM tidak akan meminggirkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah tersebut. Bab ini menegaskan bahawa PIPP merupakan satu dokumen perancangan pembangunan yang meliputi tiga aspek utama, iaitu infrastruktur, pengisian dan tenaga manusia, dan bertujuan menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua.

Oleh itu, PIPP mengemukakan enam teras strategik untuk memperkukuh sistem pendidikan negara, iaitu (1) Membina negara bangsa, (2) Membangunkan modal insan, (3) Memperkasakan Sekolah Kebangsaan, (4) Merapatkan jurang pendidikan, (5) Memartabatkan profesion keguruan, (6) Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Kerangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010



2.2 Bab 4 – Bab 9: Enam teras strategik PIPP

Bab 4: Membina negara bangsa

Bab ini memperjelaskan konsep Negara Bangsa dan strategi untuk membina Negara Bangsa, terutamanya melalui pendidikan. Dasar KPM adalah menyokong hasrat negara untuk membina Negara Bangsa. Fokus KPM dalam membina Negara Bangsa mencakupi empat usaha berikut: (1) Memperkasakan Bahasa Kebangsaan sebagai asas perpaduan dan bahasa ilmu, (2) Memantapkan perpaduan dan integrasi nasional, (3) Memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa, (4) Memupuk kefahaman yang jelas terhadap pendekatan Islam Hadhari dalam membentuk pemikiran dan kehidupan.

Antara usaha-usaha tersebut, usaha pertama merupakan usaha dominan. Oleh itu, PIPP memetik “matlamat muktamad” Penyata Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 dan menyatakan bahawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan negara, terutamanya menegaskan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara.

Perenggan 4.12 dan 4.26 dalam Bab 4 PIPP menegaskan pelaksanaan “matlamat muktamad” di peringkat prasekolah hingga menengah, iaitu bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, manakala bahasa kaum-kaum lain sebagai satu mata pelajaran pilihan. KPM mahu memastikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan, dan memperluaskan penggunaan bahasa Melayu untuk memperkasakan kedudukannya.

Untuk melahirkan Bangsa Malaysia yang bersatu padu di bawah konsep Negara Bangsa, maka agenda memperkasakan SK menjadi salah satu teras dasar pelaksanaan RMK9. Di samping itu, KPM juga memperkenalkan konsep Sekolah Wawasan bagi memupuk nilai perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Bab 5: Membangunkan modal insan

Bab ini memperjelaskan bahawa aset yang

paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Pembangunan modal insan merupakan faktor penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara, manakala pendidikan memainkan peranan yang penting dalam usaha membangunkan modal insan, terutamanya melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran berkomunikasi yang berkesan dan berkebolehan ICT, berfikiran kreatif dan kritis, bertindak secara rasional, mengamal pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai nilai yang tinggi dan sebagainya.

Dengan mengekalkan sistem pendidikan sedia ada, fokus pembangunan modal insan KPM adalah menyediakan lebih banyak pilihan pendidikan, memantapkan kurikulum, memantapkan dan memperbaharui sistem pentaksiran dan penilaian pelajar, menggalakan pelajar menguasai ilmu dan kemahiran, memantapkan program kokurikulum dan sukan, memperkukuhkan disiplin pelajar dan sebagainya untuk mencapai dasar dan matlamat pembangunan modal insan.

KPM akan meneruskan kewujudan pelbagai jenis sekolah, aliran, mata pelajaran dan bidang pengkhususan demi mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar.

Bab 6: Memperkasakan sekolah kebangsaan

Selaras dengan pembentukan Bangsa Malaysia yang bersatu padu di bawah konsep “Membina Negara Bangsa”, KPM menjadikan agenda memperkasakan SK sebagai salah satu usaha utama dalam pelaksanaan RMK9.

Bab ini memperjelaskan dasar, strategi dan tindakan bagi memperkasakan SK. Oleh itu, bab ini mengulangi pandangan Aminuddin Baki dalam karyanya “*The National School of Malaya – its problems, proposed curriculum and activities*” yang dihasilkan pada April 1953 seperti berikut: “*The fault of the existing educational structure with its multi-vernacular system has been and is that it encourages segregation.*” Buku ini menegaskan bahawa SK adalah saluran terbaik untuk perpaduan rakyat. Berdasarkan pandangan

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单



itu, KPM melaksanakan dasar memperkasakan SK untuk menjadikannya sebagai sekolah pilihan utama masyarakat.

Matlamat dasar memperkasakan SK adalah untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Tumpuan dasar ini diberikan kepada sekolah rendah kebangsaan, dan memastikan semua sekolah rendah yang berbahasa pengantar bahasa Melayu dan sekolah menengah kebangsaan mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang, seterusnya menjadi sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia bagi menarik minat ibu bapa pelbagai kaum dan agama agar menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah tersebut.

Bab 7: Merapatkan jurang pendidikan

Bab ini menyatakan dasar KPM untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi, dan tahap keupayaan pelajar. Matlamat KPM adalah untuk memastikan semua sekolah dan pelajar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang termasuklah daripada SK dan SJK. Pembangunan pendidikan di peringkat awal menyebabkan jurang pendidikan di antara kawasan bandar dan luar bandar. Oleh itu, KPM berusaha merapatkan jurang pendidikan. Kementerian juga mahu memastikan sekolah khususnya sekolah luar bandar dilengkapi dengan infrastruktur dan mendapat penyelenggaraan. Sekolah usang dan daif dinaiktaraf dan dibaik pulih supaya lebih selamat dan kondusif serta disediakan kemudahan asas.

Bab ini juga menyatakan cabaran dan usaha untuk merapatkan jurang pendidikan. Ini termasuk membekal bekalan elektrik 24 jam kepada 795 buah sekolah rendah dan menengah, menyediakan bekalan air bersih kepada 1585 buah sekolah rendah dan menengah, mempertingkatkan penyelenggaraan 6821 buah sekolah rendah dan menengah yang melebihi 30 tahun, mengatasi masalah kekurangan peruntukan, kemudahan dan guru terlatih di 2261 buah sekolah

rendah kurang murid, menempatkan guru terlatih ke kawasan luar bandar dan pedalaman.

Bab 8: Memartabatkan profesion keguruan

Bab ini menyatakan bahawa guru berperanan penting dalam menjayakan Misi Nasional. Mengikut peredaran masa, keguruan dilihat sebagai satu bidang ikhtisas manakala permintaan masyarakat terhadap guru semakin tinggi. Oleh itu, dasar KPM adalah untuk memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru. Matlamat KPM adalah untuk menjadikan profesion keguruan dihormati dan dipandang tinggi, sesuai dengan amanah yang dipikul dalam pembinaan generasi masa hadapan negara.

Bagi mencapai matlamat dan dasar tersebut, fokus memartabatkan profesion keguruan adalah:

- menambah baik sistem pemilihan calon guru;
- memantapkan latihan perguruan;
- memantapkan kerjaya guru;
- menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru; dan
- memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia.

KPM akan mengambil pelbagai strategi untuk memartabatkan profesion keguruan, misalnya mengurangkan bilangan GSTT (guru sandaran tidak terlatih) kepada kurang daripada 1%, dan sebolehnya mensifarkan GSTT.

Bab 9: Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan

Bab ini menyatakan agenda KPM untuk membekal pendidikan yang berkualiti kepada semua rakyat, dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan agar dapat menarik minat pelajar luar negara, serta membantu dalam melatih guru-guru untuk sekolah swasta.

Sebanyak 300 buah institusi pendidikan yang menyerlah dan cemerlang dalam kluster institusi

pendidikan tertentu akan dikenal pasti dan dipilih supaya dapat dicontohi oleh institusi-institusi di dalam kelompok yang sama. Elemen utama pemilihan adalah berdasarkan pencapaian purata dalam peperiksaan awam sekurang-kurangnya tiga tahun berturut-turut, bilangan pelajar mendapat A, pencapaian kokurikulum di peringkat daerah, kebangsaan dan luar negara, anugerah-anugerah khas dan sebagainya.

Sekolah yang dipilih akan mendapat kuasa autonomi yang lebih besar. Ini termasuk pemilihan tenaga pentadbiran dan pengajar, staf sokongan dan pelajar; penawaran mata pelajaran di luar sistem kebangsaan; pengutipan yuran tambahan; dan mendapatkan peruntukan tambahan daripada pihak luar KPM untuk pembayaran gaji yang lebih tinggi dan sebagainya.

2.3 Bab 10: Pakej dan mekanisma pelaksanaan PIPP

Bab ini menegaskan bahawa pendidikan bukan agenda negara yang boleh dijayakan secara bersendirian. Pendidikan merupakan bidang yang melibatkan dan memerlukan kerjasama dan komitmen semua pihak berkepentingan. Isu pendidikan amat kompleks dan kadang kala berada di luar bidang kuasa dan kepakaran KPM untuk menyelesaikannya. Justeru itu, penglibatan, komitmen dan kerjasama pelbagai pihak amat penting bagi menjayakan agenda pendidikan.

Untuk memastikan setiap warga KPM mempunyai kefahaman yang jelas dan mendalam tentang dasar, matlamat dan sasaran yang ingin dicapai serta strategi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan, maka koordinasi antara jabatan dan bahagian yang terlibat, kerjasama berpasukan dan rasa sepunya dalam kalangan warga KPM adalah amat penting. Semangat kerja berpasukan dan rasa sepunya akan membolehkan setiap pihak melihat segala projek yang dilaksanakan sebagai projek Kementerian Pelajaran dan bukan sebagai projek seseorang individu ataupun

sesuatu bahagian.

Bagi memastikan kejayaan PIPP, KPM perlu membangunkan sistem pengurusan, pentadbiran, penyampaian, pemantauan, dan penilaian yang berkesan agar setiap program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan. Selain itu, kejayaan PIPP juga bergantung kepada kefahaman dan komitmen warga KPM terhadap dasar dan strategi pelaksanaannya. PIPP merupakan satu garis panduan kepada seluruh warga KPM agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara lebih terancang, terarah, dan berfokus.

(3) PEMIKIRAN DOMINAN DAN KONSEP PENDIDIKAN PIPP

3.1 PIPP merupakan kejuruteraan asas untuk mencapai wawasan negara sebagai negara maju

Seperti mana yang dijelaskan dalam ruangan kata alu-aluan Perdana Menteri, prakata Menteri Pelajaran dan Bab 1 PIPP, PIPP memainkan satu peranan penting untuk mencapai wawasan negara kita sebagai sebuah negara maju.

Perenggan 1.02 Bab 1 dalam “Wawasan 2020 - Harapan dan Aspirasi” menyatakan bahawa perubahan pesat dunia hari ini menuntut Malaysia untuk segera berubah agar mampu melonjak ke tahap maju. Dalam fasa 15 tahun yang kedua telah mengetengahkan bidang pendidikan masih memerlukan penambahbaikan dan prihatin khusus agar dapat melakukan lonjakan terakhir untuk mencapai status negara maju yang dicita-citakan dalam Wawasan 2020.

Perenggan 1.09 pula menjelaskan bahawa Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) merupakan pelan pertama daripada tiga rancangan lima tahun bagi Misi Nasional. RMK9 ini penting bagi negara untuk meletakkan asas kukuh ke arah kejayaan lonjakan yang seterusnya dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020). Selain itu, kelima-lima teras Misi Nasional yang

dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu (1) Meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi, (2) Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk "minda kelas pertama", (3) Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, (4) Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup, (5) Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan, adalah penting dalam mencapai wawasan negara dalam tempoh 15 tahun. Selain itu, Misi Nasional menyatakan bahawa pendidikan merupakan elemen utama bagi kejayaan usaha tersebut, Kementerian Pelajaran sebagai agensi yang bertanggungjawab bersedia memikul amanah bagi menyokong agenda baru negara.

Selaras dengan Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Ke-9, tempoh pelaksanaan PIPP adalah sehingga tahun 2010. Akan tetapi, penekanannya bukan terhad pada tahun 2006-2010, sebaliknya dilanjutkan ke tahun 2020. PIPP merupakan satu langkah kritikal yang menentukan negara kita sama ada dapat melonjakkan diri sebagai sebuah negara maju atau tidak.

Pada 28 Februari 1991, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir mengemukakan Wawasan 2020 dalam ucapannya yang bertajuk "Melangkah Ke Hadapan" pada pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia (MBC). Wawasan tersebut merupakan satu perancangan jangka panjang selama 30 tahun untuk membangunkan negara ini mengikut acuan sendiri sebagai sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Wawasan 2020 bukan sahaja mengutamakan pembangunan ekonomi, malah juga mementingkan pembangunan sosial, terutamanya penerapan nilai-nilai moral. Negara maju sepenuhnya yang dimaksudkan dalam ucapan tersebut adalah: "Menjelang tahun 2020, Malaysia dapat menjadi negara bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi,

progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang bersaing, dinamik, cergas dan kental."

Untuk menjadi sebuah negara yang maju sepenuhnya, ucapan tersebut telah menggariskan sembilan cabaran strategik yang dihadapi dan perlu diatasi sejak negara mencapai kemerdekaan.

Antara 9 cabaran tersebut, cabaran pertama merupakan cabaran terpenting yang mendapat perhatian ramai, iaitu: "Cabaran pertama ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil, dan terdiri daripada satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara."

Lantaran itu, Wawasan 2020 mendapat perhatian dalam dan luar negara, serta mendapat maklum balas positif daripada pelbagai lapisan masyarakat dan pemimpin negara. Selain itu, kerajaan juga mengulangi hasratnya untuk mencapai wawasan tersebut dari semasa ke semasa serta dinyatakan dalam pelbagai dokumen kerajaan.

Isi kandungan ucapan tersebut bukan sekadar mendekati dunia ideal yang diharapkan oleh setiap bangsa dan lapisan masyarakat negara kita, malah juga sesuai dengan keperluan dan keadaan negara kita yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Dengan kata lain, ucapan tersebut menunjukkan bahawa dalam proses negara kita menuju ke arah merealisasikan "Wawasan 2020", kerajaan akan mengubah pentadbiran negara daripada sudut fahaman *Malay centralist* dan satu bangsa kepada pentadbiran negara yang mementingkan keseluruhan warganegara semua bangsa dan negara.

Kini, Wawasan 2020 yang dikemukakan pada tahun 1991 telah masuk ke fasa 15 tahun yang kedua. Namun, wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 dalam

pelbagai bidang seperti perpaduan rakyat, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan, nampaknya masih jauh sekali.

Kini, negara kita sudah 50 tahun mencapai kemerdekaan dan mendapat kemajuan tertentu di bawah usaha semua rakyat. Namun, beberapa dasar dan pentadbiran, terutamanya aspek kesaksamaan bangsa, demokrasi, hak asasi manusia, kebebasan badan kehakiman, dan sebagainya amat perlu diperbaiki.

Negara kita hendaklah melaksanakan dasar-dasar *affirmative* yang tidak membezakan warna kulit dan agama bagi menggantikan dasar-dasar *unilateral* yang berpusatkan satu bangsa tertentu. Dengan adanya kesaksamaan dan tanpa diskriminasi, barulah negara kita dapat membentuk satu persekitaran yang kondusif untuk memupuk perpaduan dan persahabatan dalam kalangan rakyat.

Dalam era globalisasi, informasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan, negara kita menghadapi tekanan besar dari segi perebutan dan persaingan modal insan, pembangunan modal insan yang berkualiti dan menyeluruh. Oleh itu, pihak pemerintah hendaklah melaksanakan pembaharuan dan berani menggubal dasar-dasar yang memenuhi aspirasi rakyat serta menyatupadukan rakyat untuk mencapai Wawasan 2020.

3.2 Konsep “Negara Bangsa Malaysia” yang bertentangan dengan keadaan berbilang bangsa di negara kita

Bab 1 PIPP mengemukakan hasrat untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020 melalui pembentukan sebuah “Negara Bangsa Malaysia yang maju dan bersatu padu”. Jelasnya, PIPP telah mengemukakan satu konsep “Negara Bangsa Malaysia” yang kontroversial.

Konsep “Negara Bangsa” ialah satu konsep

bangsa yang *unilateral* dan sempit yang wujud pada beberapa abad dahulu di Eropah. Konsep tersebut menegaskan bahawa hanya satu bangsa sahaja yang dibenarkan wujud dalam sesebuah negara.

Pada akhir tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an, satu fahaman bangsa yang *unilateral*, melampau dan sempit telah wujud di negara kita yang baru merdeka. Lantaran itu, pelbagai dasar yang bersifat *unilateral* dan perkauman telah dilaksanakan secara meluas melalui saluran undang-undang dan pentadbiran di pelbagai bidang meliputi aspek politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan. Oleh itu, sokongan terhadap konsep negara bangsa bertujuan membentuk sebuah negara yang berlandaskan satu bangsa. Ini menyebabkan kewujudan fahaman pendidikan yang *unilateral*, malah menghasilkan dasar yang mendiskriminasi dan menindas pendidikan bangsa minoriti.

Negara kita adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, bahasa, budaya dan agama. Rukun Negara juga mengiktiraf fakta ini. Rukun Negara menyatakan bahawa negara kita Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak. Rukun Negara tidak melihat masyarakat berbilang bangsa sebagai faktor negatif kepada kemajuan negara. Sebaliknya, Rukun Negara melihat kepelbagaian kebudayaan dan bahasa dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa sebagai aset dan daya saingan negara kita. Kata alu-aluan Perdana Menteri dalam PIPP menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara majmuk, sistem pendidikan perlu mampu membangunkan masyarakat yang bersatu padu dan bertoleransi. Menteri Pelajaran juga menyatakan pandangan yang serupa baru-baru ini, contohnya pada 2 Mac 2007 di *Sin Chew Daily*.

Sejak kemerdekaan hingga kini, satu kontradiksi utama dalam bidang pendidikan negara kita adalah pertembungan di antara fahaman *unilateral* yang tidak sesuai dengan keadaan negara majmuk dengan fahaman *multilateral* yang mendukung pendidikan bahasa ibunda.

Oleh itu, sekiranya ada pihak melihat dan menguruskan masalah-masalah bangsa, bahasa, pendidikan dan budaya hanya daripada sudut satu bangsa, bahasa, budaya dan agama, maka ini sememangnya boleh mendatangkan kontradiksi yang serius sehingga berlakunya konflik. Oleh itu, ciri-ciri kepelbagaian masyarakat negara ini hendaklah diakui dan diterima terlebih dahulu untuk mencapai perpaduan rakyat. Akan tetapi, pelaksanaan dasar-dasar bahasa, pendidikan dan budaya yang cenderung ke arah satu bangsa dan asimilasi sejak kemerdekaan merupakan dasar-dasar yang amat dikesali.

Pada 7 Mac 1991, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia dan Persatuan Siswazah Universiti Nanyang Malaya yang dijemput menyertai Majlis Perundingan Pendidikan Negara ketika itu telah mengemukakan satu memorandum bertajuk "Pandangan Umum Dan Cadangan Pindaan Tentang Rang Undang-Undang Pendidikan 1990" kepada Menteri Pelajaran. Memorandum tersebut telah mengemukakan beberapa pandangan mengenai isu negara bangsa seperti berikut:

1. Kemunculan "negara bangsa" (*nation state*) di Eropah dalam abad ke-18 dan ke-19 telah melahirkan konsep *monocultural state* dan fahaman *cultural homogeneity* yang mempunyai kecenderungan memaksa kaum-kaum minoriti menerima dan mengamalkan budaya dan cara hidup kaum majoriti.
2. Di bawah fahaman *cultural homogeneity* itu, sekolah dianggap sebagai alat yang paling berkesan untuk mencapai asimilasi kanak-kanak kaum minoriti bukan sahaja dengan menyelamkan mereka dalam cara kehidupan kaum majoriti, bahkan juga dengan mengenakan pelbagai sekatan bertujuan menghapuskan budaya asal mereka.
3. Oleh kerana penghijrahan yang berlaku sejak

Perang Dunia yang pertama, kebanyakan negara bangsa (*nation states*) telah berubah menjadi negara pelbagai bangsa (*multinational states*). Seterusnya, konsep negara satu budaya (*monocultural state*) diganti dengan konsep negara pelbagai budaya (*multicultural state*). Fahaman *dominant monism* didapati bertentangan dengan demokrasi budaya dan hak asasi manusia, dan telah diganti dengan fahaman *cultural pluralism* yang menegaskan bahawa dasar *multiculturalism*, bukan dasar *dominant monism*, hendaklah dilaksanakan dalam bidang pendidikan.

4. Fahaman *multiculturalism* telah diterima oleh semua kaum di negara kita pada masa merdeka. Ini jelas dinyatakan oleh Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ditetapkan oleh seksyen 3 dalam Ordinan Pelajaran 1957, yang menyatakan bahawa "*The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable to the people as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, with the intention of making the Malay language the national language of the country whilst preserving and sustaining the growth of the language and culture of people other than Malays living in the country.*"

Konsep negara bangsa adalah berasaskan kepada konsep "satu negara, satu bangsa". Mengikut logik sedemikian, penubuhan sebuah negara bangsa Malaysia adalah berlandaskan kepada pembentukan bangsa Malaysia. Seterusnya, pembentukan bangsa Malaysia memerlukan satu bahasa Malaysia tertentu. *Malay centralist* berpendapat bahawa bahasa tersebut ialah bahasa Melayu dan bahasa ini hendaklah diperkasakan. Berlandaskan fahaman tersebut, PIPP mahu memperkasakan bahasa Malaysia (bahasa Melayu) untuk membentuk sebuah negara bangsa. PIPP juga mahu melaksanakan konsep sekolah wawasan dan memperkasakan sekolah kebangsaan untuk mencapai "matlamat muktamad" yang dinyatakan dalam Penyata

Razak 1956.

Konsep negara bangsa tidak sesuai dengan keadaan sebenar dan keperluan pembangunan negara. Pihak-pihak yang berkaitan hendaklah menggugurkan konsep negara bangsa dan sebaliknya menyokong konsep negara berbilang bangsa yang menepati keadaan sebenar dan keperluan pembangunan negara kita. Perpaduan rakyat dan kemakmuran negara dapat dicapai melalui konsep negara berbilang bangsa. Oleh itu, kerajaan hendaklah menggubal program pembangunan pendidikan yang dapat memenuhi keperluan pembangunan budaya dan bahasa semua bangsa.

Memorandum Kebudayaan Kebangsaan 1983 mengemukakan pandangannya seperti berikut: “Kami yakin bahawa kewujudan bahasa pelbagai kaum di samping bahasa kebangsaan, kewujudan beberapa aliran sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di dalam sistem pelajaran negara, dan penerimaan secara setara kebudayaan semua kaum sebagai asas kebudayaan kebangsaan negara bukan sahaja praktikal bahkan selaras dengan masyarakat majmuk kita. Penerimaan dasar-dasar tersebut akan bermanfaat bagi perpaduan rakyat kita.”

Konsep negara bangsa dalam PIPP bertentangan dengan cabaran pertama yang dinyatakan dalam Wawasan 2020, iaitu “mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya secara adil, dan terdiri daripada satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.” Konsep negara bangsa tersebut bertentangan dengan semangat dan matlamat pembangunan Wawasan 2020 yang ingin memupuk perpaduan rakyat, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan.

Pihak-pihak yang berkaitan hendaklah

menggugurkan dasar-dasar negara bangsa yang ketinggalan zaman dan tidak menepati keadaan negara kita; menerima hakikat bahawa negara kita adalah sebuah negara berbilang bangsa (*multinational state*) dan bukannya sebuah negara bangsa (*nation state*). Ia hendaklah menggubal dasar-dasar yang menepati keadaan negara kita yang berbilang bangsa, budaya dan bahasa, serta memupuk keharmonian masyarakat.

3.3 Memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama

PIPP memetik pandangan Aminuddin Baki dalam karyanya “*The National School of Malaya – its problems, proposed curriculum and activities*” yang dihasilkan pada April 1953 seperti berikut: “*The fault of the existing educational structure with its multi-vernacular system has been and is that it encourages segregation.*” Berdasarkan pandangan ini, *Malay centralist* selalunya menghasut sambil berkata bahawa kewujudan sekolah bahasa ibunda atau pendidikan bukan Melayu menjejaskan perpaduan rakyat. Pandangan tersebut menjadi begitu kuat sekali pada tahun 1985 sehingga mendapat kritikan tegas daripada para penyokong pendidikan bahasa ibunda. Pandangan Aminuddin Baki itu merupakan satu contoh tipikal fahaman *dominant monism* atau *melting pot* yang mencerminkan pembentukan negara bangsa melalui PIPP. Tajuk bagi bab pertama dalam *The National School of Malaya* tersebut ialah *A Melting Pot*, di mana ia mengemukakan konsep “*Malaynisation*” berdasarkan konsep “*Americanisation*”.

Berlandaskan teori tersebut, Aminuddin Baki berkata selanjutnya bahawa “*The national schools by virtue of their multi-racial composition and their deliberate policy of assimilation can act as melting pots of Malayan pluralism*”. Oleh itu, *Malay centralist* menggunakan alasan “memupuk perpaduan rakyat” untuk memperluaskan fahaman “kewujudan kepelbagaian budaya dan bahasa menjejaskan atau menghalang perpaduan rakyat” di samping menggembar-gemburkan kehendak

untuk mewujudkan satu persekitaran yang berasaskan satu budaya dan satu bahasa agar menghapuskan aliran sekolah yang lain kononnya untuk merealisasikan “perpaduan rakyat”.

Dasar-dasar “*Melting Pot*” adalah berasaskan kepada *Contact Thesis*. Akan tetapi, penyelidik-penyelidik seperti Alvin Rabuska, Mildred Dickeman, John C. Bock telah membuktikan *Contact Thesis* merupakan suatu teori yang salah. Untuk memupuk perpaduan kaum yang sebenar, maka “*Equal Satatus Theory*” yang dikemukakan dalam bidang psikologi sosial hendaklah digunakan, iaitu keadilan, kesamarataan, keterbukaan, saling hormat-menghormati dan bertoleransi merupakan syarat utama dalam memupuk hubungan berkawan baik, mesra dan bersatu padu di antara kaum dan sesama kaum sendiri. Tanpa syarat utama tersebut, perhubungan antara kaum atau sesama kaum sendiri bukan sahaja tidak dapat memupuk pemahaman dan perpaduan, bahkan akan menambahkan lagi permusuhan dan perpecahan akibat perasaan curiga, pergeseran dan pertikaian.

Program Sekolah Integrasi tahun 1985 dan Program Sekolah Wawasan tahun 1995 yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran merupakan dua contoh yang berasaskan kepada *Contact Thesis*. Kedua-dua program tersebut bertujuan untuk merealisasikan “matlamat muktamad” Penyata Razak 1956. PIPP tidak menggugurkan program sekolah wawasan, sebaliknya ia masih menegaskan pelaksanaan program sekolah wawasan sebagai satu pilihan untuk “memupuk nilai perpaduan kaum dan integrasi nasional”. (Bab 4 Perenggan 4.24 dalam PIPP)

Usaha memupuk perpaduan rakyat merupakan satu aspek sosial yang penting. Ia melibatkan skop yang amat luas lagi rumit. Oleh itu, usaha yang amat berat tersebut tidak harus diletakkan kepada bidang pendidikan semata-mata, malah menyalahkan sistem pendidikan atas keadaan tidak bersatu padu dalam kalangan rakyat. Dasar “*melting pot*”, “matlamat muktamad” dan program sekolah wawasan

terlalu mengambil mudah akan keadaan sebenar dan kerumitan untuk mencapai perpaduan rakyat sehingga menyalahkan sistem pendidikan. Dasar dan program tersebut mengalihkan fokus orang ramai dan mengetepikan isu-isu yang sebenarnya berkesan dalam memupuk perpaduan rakyat seperti isu keadilan, kesamarataan, keterbukaan, saling menghormati, dan bertoleransi.

Perpaduan rakyat haruslah berasaskan kepada prinsip-prinsip seperti keadilan, kesamarataan, dan keterbukaan. Perpaduan melibatkan pelbagai bidang termasuk bidang politik, sosial dan ekonomi. Telah dibuktikan bahawa sebarang niat yang bertujuan untuk mencapai perpaduan rakyat melalui “matlamat muktamad” pastinya tidak akan diterima oleh kaum yang lain. Kami berpendapat bahawa pelaksanaan dasar pendidikan yang *unilateral* merupakan salah satu sebab utama yang menjejaskan perpaduan rakyat.

Pada hakikatnya, dasar asimilasi yang dilaksanakan di Amerika Syarikat telah menemui kegagalan. Dasar tersebut bukan sahaja tidak mencapai perpaduan rakyat, bahkan memburukkan lagi masalah konflik antara kaum. Pada masa sekarang, para penyelidik pendidikan di Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan Britain telah menolak dasar “*melting pot*”, sebaliknya mereka memperkembangkan pendidikan kepelbagaian kebudayaan (*multicultural education*).

Malangnya, PIPP di negara kita masih meneruskan pelaksanaan teori yang salah tersebut pada abad ke-21 ini. Kerajaan memperuntukkan banyak peruntukan (iaitu sumber awam) untuk melaksanakan dasar memperkasakan sekolah kebangsaan agar menjadikannya sebagai sekolah pilihan utama dan mencapai kecemerlangan di pelbagai bidang. Kementerian Pelajaran berharap dasar tersebut dapat menarik ibu bapa setiap kaum untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan. Dasar ini meminggirkan sekolah aliran yang lain.

PIPP menyatakan bahawa “walaupun dasar ini memberi keutamaan kepada SK, namun KPM

sentiasa memberi perhatian yang seimbang untuk Sekolah Rendah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) supaya pendidikan untuk anak bangsa Malaysia yang belajar di sekolah tersebut tidak dipinggirkan” (Bab 6) dan “meneruskan kewujudan pelbagai jenis sekolah, aliran, mata pelajaran dan bidang pengkhususan untuk mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar” (Bab 5). Akan tetapi, selain belanja mengurus / sumbangan bantuan (*grant-in-aid*) bagi pentadbiran seharian, SK, SABK, SJKC dan SJKT yang berstatus Sekolah Bantuan Kerajaan hanya mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM 100 juta sahaja di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Dalam ertikata lain, sekolah-sekolah ini mendapat RM 20 juta setahun. Anggaran menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 1500 buah sekolah yang sedemikian, antaranya sekitar 1200 buah adalah SJKC. Secara puratanya, dianggarkan setiap sekolah tersebut hanya mendapat peruntukan pembangunan berjumlah 13 ribu ringgit setahun.

Sejarah membuktikan bahawa keadaan sekolah jenis kebangsaan masih belum diperbaiki sungguhpun pihak-pihak yang berkenaan telah beberapa kali berjanji untuk memberi layanan yang adil kepada sekolah jenis kebangsaan. Sekolah ini menghadapi masalah kekurangan sekolah, peruntukan pembangunan dan guru. Pada hakikatnya, Kementerian Pelajaran selama ini telah melaksanakan dasar memperkasakan sekolah kebangsaan. Dasar ini menyebabkan sekolah aliran lain menghadapi masalah-masalah kekurangan peruntukan pembangunan, guru dan lain-lain. Oleh itu, dapat dibayangkan bahawa keperluan pembangunan sekolah aliran lain akan terus diabaikan, manakala masalah-masalah seperti kekurangan peruntukan pembangunan dan guru akan terus berlaku di bawah PIPP.

Pada tahun 1957, Ordinan Pelajaran 1957 digubal semasa rakyat berbilang bangsa bersama-sama menuntut kemerdekaan negara. Seksyen 3 dalam

Ordinan Pelajaran 1957 menetapkan bahawa “*The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable to the people as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, with the intention of making the Malay language the national language of the country whilst preserving and sustaining the growth of the language and culture of people other than Malays living in the country.*” Malangnya, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1960 telah memutarbelit dan mengubah dasar pendidikan kebangsaan tersebut. Kedua-duanya menggunakan semula “matlamat muktamad” Penyata Razak 1956 yang telah ditolak oleh pemimpin-pemimpin negara dan Ordinan Pelajaran 1957. Pada hari yang kemudiannya, terdapat pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli akademik yang salah mengangap kononnya “matlamat muktamad” tersebut merupakan “kontrak sosial” dan dasar pendidikan kebangsaan semasa negara kita mencapai kemerdekaan.

Setiap aliran sekolah merupakan salah satu komponen dalam sistem pendidikan negara dan harus mendapat layanan yang adil dan munasabah. Isu ini hendaklah ditangani dengan mengenalpasti sama ada dasar pendidikan negara kita berasaskan kepada dasar yang *unilateral* atau *multilateral*. Untuk mengenali dan memahami isu ini dengan jelasnya, maka kita hendaklah melihat kembali sejarah dan mencari fakta sebenar agar dapat membetulkan semula dasar pendidikan negara yang telah diputarbelitkan.

Kepelbagaian dan perpaduan adalah dua perkara yang tidak bertentangan dan dapat dicapai bersama. Persoalan pokoknya berlandaskan kepada pentadbiran negara yang adil. Kepelbagaian pendidikan yang wujud di negara kita tidak menghalang perpaduan rakyat, malah memperkayakan lagi ciri-ciri kepelbagaian budaya dan masyarakat berbilang bangsa yang merupakan satu aset yang membanggakan kepada negara kita. Ini merupakan satu aspek penting yang harus dihargai dan dikekalkan oleh semua pihak.

3.4 Memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan

PIPP mengemukakan dasar memperkasakan bahasa kebangsaan. Ia menegaskan kehendaknya untuk memastikan agar bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan. Pelan ini memetik dengan khususnya “matlamat muktamad” yang dinyatakan dalam perenggan 12 Penyata Razak 1956: *“Kami perchaya juga yang tujuan dasar pelajaran di-dalam negeri ini ia-lah bermaksud hendak menyatukan budak2 daripada semua bangsa di-dalam negeri ini dengan memakai satu peratoran pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat di-laksanakan dengan serta-merta melainkan hendak-lah diperbuat dengan beransor-ansor.”* (Sila rujuk juga perenggan 4.12, 4.20 dan 4.26 dalam Bab 4 PIPP). Jelasnya, ruang pembangunan bahasa bangsa lain tidak akan diutamakan.

Perlembagaan negara kita menjamin hak bangsa minoriti dalam penggunaan, pemeliharaan dan pembangunan bahasa ibundanya. Fasal 1 dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menetapkan bahawa:

“(1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa –

- (a) tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.”

Akan tetapi, semangat perkara tersebut

tidak dilaksanakan melalui undnag-undang dan dasar-dasar pendidikan. Pada hakikatnya, dasar pendidikan kebangsaan yang ditetapkan oleh Ordinan Pelajaran 1957 menyatakan kehendaknya untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama memelihara dan meneruskan kesinambungan pembangunan bahasa dan budaya masyarakat bukan Melayu. Akan tetapi, undang-undang dan dasar-dasar yang dipinda atau digubal kemudiannya pula berorientasikan “matlamat muktamad” yang terkandung dalam Penyata Razak 1956. Ini dibantah oleh masyarakat bukan Melayu, khasnya masyarakat Cina, kerana ia bermakna selain pendidikan bahasa Melayu, pendidikan bahasa ibunda bangsa lain tidak dibenarkan kewujudannya.

Pepatah Melayu yang mengatakan “Bahasa Jiwa Bangsa” bukan sahaja sesuai digunakan pada bangsa Melayu bahkan sesuai juga digunakan pada bangsa-bangsa yang lain. Ajaran agama juga menyatakan bahasa dan kebudayaan berbilang bangsa adalah kurniaan daripada Tuhan.

Oleh itu, Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia yang diumumkan pada 12 Oktober 1985 telah mengemukakan pandangannya seperti berikut:

“Kami menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa bersama masyarakat majmuk kita. Namun, kedudukan istimewa Bahasa Malaysia sebagai bahasa bersama itu sekali-kali tidak harus digunakan sebagai alasan untuk mengamalkan asimilasi bahasa atau diskriminasi bahasa. Dalam konteks ini, bahasa semua kaum di negara kita adalah setaraf kedudukannya, mempunyai kemuliaan yang setanding; dan haruslah dihormati tanpa perbezaan, lalu dibenarkan penggunaannya secara bebas dalam semua bidang.”

Sebarang tindakan yang bermotif untuk menghadkan dan menghalang kebebasan penggunaan bahasa ibunda di kalangan warganegara keturunan bukan Melayu sememangnya tidak membantu ke arah perpaduan rakyat, sebaliknya menjejaskan perpaduan.

Pihak yang berkenaan seharusnya mematuhi dasar pendidikan negara yang dinyatakan dalam seksyen 3 Ordinan Pelajaran 1957 dan berlaku adil kepada pendidikan bahasa ibunda dan setiap aliran sekolah, terutamanya dalam hal-hal peruntukan, latihan perguruan dan sebagainya.

Penggunaan, pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda setiap bangsa secara bebas merupakan suatu hak asasi manusia dan hak dalam perlembagaan negara. Ia tidak boleh dirampas atau dihadkan oleh sesiapa pun atau atas apa-apa alasan. Pihak-pihak yang berkenaan hendaklah mengakui fakta bahawa negara kita adalah sebuah negara berbilang bangsa. Atas aspirasi setiap bangsa untuk membangunkan pendidikan bahasa ibunda dan prinsip-prinsip pendidikan yang menyatakan bahawa ibu bapa berhak memilih jenis pendidikan untuk anaknya, maka pelaksanaan dasar “satu kurikulum bersama, pelbagai aliran sekolah yang berlainan bahasa pengantar” adalah menepati keadaan masyarakat berbilang bangsa di negara kita.

Kami yakin bahawa kewujudan bahasa pelbagai bangsa di samping bahasa kebangsaan, kewujudan beberapa aliran sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar di dalam sistem pelajaran negara, dan penerimaan secara setara kebudayaan semua bangsa sebagai asas kebudayaan kebangsaan negara bukan sahaja praktikal bahkan selaras dengan masyarakat majmuk kita. Penerimaan dasar-dasar tersebut membantu ke arah memupuk perpaduan rakyat kita.

Selain itu, PIPP menegaskan penggunaan bahasa Malaysia. Akan tetapi, kerajaan pula melaksanakan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) di semua aliran sekolah rendah, sekolah menengah kebangsaan dan institusi pengajian tinggi awam mulai tahun 2003. Dasar PPSMI ini bertentangan dengan dasar yang mementingkan penggunaan bahasa Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam PIPP.

Kami berpendapat bahawa pendidikan bahasa ibunda merupakan pendidikan yang paling terus dan berkesan kepada sasarannya, dan dengan sedaya-upayanya diperkembangkan ke tahap yang lebih tinggi. Keunggulan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan bahasa peperiksaan memang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menjadi suatu kelaziman yang dipraktikkan di seluruh dunia. Mengikut pengalaman di negara kita, penggunaan bahasa ibunda dalam mata pelajaran Sains dan Matematik telah berjaya mempertingkatkan pencapaian Sains dan Matematik di semua aliran sekolah rendah. Selain itu, penguasaan bahasa Inggeris yang kurang baik berpunca daripada masalah mata pelajaran bahasa Inggeris, dan bukan disebabkan oleh mata pelajaran Sains dan Matematik.

Kami mengakui kepentingan bahasa Inggeris dan menyokong usaha kerajaan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan rakyat negara kita, tetapi kaedah yang diambil haruslah menepati prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa, iaitu melalui cara memperbaiki mata pelajaran Bahasa Inggeris dari segi matlamat pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, bilangan waktu, bahan pengajaran, kaedah mengajar, perguruan, dan kemudahan lain supaya dapat mempertingkatkan tahap penguasaan murid-murid terhadap kemahiran membaca, mendengar, menulis, bertutur dan berfikir dalam bahasa Inggeris. Ini merupakan cara yang tepat dan berkesan dalam mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris.

Dasar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bertentangan dengan prinsip-prinsip pendidikan. Ia bukan sahaja tidak berkesan dalam mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris, bahkan menjejaskan tahap penguasaan Sains dan Matematik. Dasar ini mendatangkan pelbagai kesan negatif yang serius, termasuk menjejaskan pendidikan bahasa ibunda dan kualiti rakyat.

Sebagai sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, kerajaan haruslah mendengar pendapat rakyat agar menggunakan semula bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dan bahasa peperiksaan bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua aliran sekolah rendah.

3.5 Mengguna pakai konsep pendidikan yang maju sebagai pemikiran dominan dalam perancangan pendidikan

PIPP yang berkonsepkan pendidikan untuk semua dan pendidikan holistik juga menegaskan kepentingan pembangunan negara dan perspektif dunia supaya meletakbetulkan pembaharuan dan pembangunan pendidikan negara kita untuk tujuan pembangunan insan.

3.5.1 Pembangunan modal insan

Mengikut teori asas “modal insan”, sumber manusia merupakan sumber yang terpenting berbanding dengan sumber lain. Teras modal insan bertujuan untuk meningkatkan kualiti penduduk, manakala pendidikan merupakan kaedah utama bagi mencapai peningkatan kualiti modal insan. Pelaburan pendidikan merupakan satu pelaburan utama dalam pembangunan modal insan.

Modal insan dapat dicerminkan melalui proses penjaan daya produktiviti manusia, iaitu dengan membuat pelaburan dalam pendidikan, latihan pekerjaan dan sebagainya, serta kos mendapatkan peluang pendidikan. Dengan itu, nilai modal insan bergantung kepada ilmu pengetahuan yang produktif, sumbangan tenaga buruh, kemahiran mengurus, dan kualiti kesihatan penduduk.

PIPP menganggap aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Pembangunan modal insan

merupakan satu faktor penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Di samping itu, pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan, dan berkemahiran tinggi. PIPP juga menegaskan keperluan memupuk kebolehan ICT dan berkomunikasi, pemikiran kreatif dan kritis, kemampuan bertindak secara rasional, amalan pembelajaran sepanjang hayat, nilai-nilai murni dan sebagainya dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, hasrat kerajaan ialah membangunkan modal insan bagi mempertingkatkan kualiti rakyat melalui pembaharuan pendidikan. Ini selaras dengan arus pembaharuan pendidikan di seluruh dunia dan juga menepati keperluan pembangunan negara.

Sebagai salah satu strategi pembangunan modal insan, KPM akan memastikan semua jenis sekolah, aliran, mata pelajaran dan bidang pengkhususan terus dikekalkan agar mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan pelajar. Perkara ini berkaitan dengan kedudukan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). KPM hanya mengakui kewujudan SJKC sebagai satu pilihan pendidikan kepada ibu bapa atas faktor-faktor sejarah. Akan tetapi, PIPP tidak mengambil berat tentang isu pembangunan SJKC.

3.5.2 Merancang pembaharuan pendidikan dari perspektif pembangunan pendidikan

PIPP mementingkan soal mendidik warga, peningkatan kualiti rakyat dan pendidikan holistik. Pembaharuan yang dikemukakan meliputi skop yang luas dan amat mengutamakan aspek pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

1. Pembaharuan dalam isi kandungan sukatan pelajaran. PIPP ingin mempertingkatkan tahap daya pemikiran, kemahiran belajar dan nilai-nilai baik dalam kalangan pelajar.
2. Pembaharuan dalam sistem pentaksiran peperiksaan. PIPP memberi perhatian terhadap had-had dan masalah-masalah yang dihadapi oleh sistem pentaksiran sedia ada, dan berusaha mencari satu sistem pentaksiran yang baru bagi menggantikan sistem sedia ada.
3. Pembaharuan dalam sukatan pelajaran dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. PIPP ingin mempertingkatkan tahap akademik dan memantapkan program kokurikulum dan sukan.
4. ICT dan sekolah bestari. Pelaksanaan program sekolah bestari yang menegaskan penggunaan ICT dalam pendidikan.

Perkara tersebut merupakan rancangan bagi menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua, dan menepati tren pembaharuan pendidikan di peringkat antarabangsa. Ini bukan satu perkara yang mudah dilaksanakan kerana ia memerlukan suatu perancangan yang menyeluruh bagi mendidik seseorang dengan pelbagai kualiti.

Beberapa cadangan yang

dikemukakan dalam PIPP merupakan perubahan dan pembaikan kecil sahaja. Oleh itu, usaha yang lebih besar hendaklah dilakukan.

3.5.3 Impian dan realiti dalam keadilan pendidikan

PIPP menegaskan pelaksanaan konsep pendidikan untuk semua. Ia berhasrat untuk menyediakan pendidikan yang adil dan berkualiti kepada semua.

Tindakan yang diambil ialah: (1) Memperluas peluang pendidikan bagi memastikan keadilan dalam pendidikan, (2) Memberi perhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang adil bagi memastikan pelajar mampu menguasai 3M, (3) Memperluas penggunaan kemudahan teknologi pendidikan yang moden di sekolah, (4) Mengurangkan jurang antara pendidikan seperti jurang pendidikan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar, jurang penggunaan sumber dan infrastruktur digital, jurang pencapaian pelajar, termasuk pelajar biasa dan pelajar istimewa, serta jurang ekonomi.

Ini adalah usaha kerajaan untuk mencapai keadilan dalam pendidikan. Akan tetapi, PIPP kekurangan dasar pendidikan dan sistem yang sepadan sehingga mengakibatkan pengurusan dan pengagihan sumber yang tidak seimbang, dan tidak dapat mencapai keadilan sosial secara demokratik. Diskriminasi pendidikan terhadap bangsa minoriti menyebabkan pengagihan sumber pendidikan yang tidak adil.

Pada hakikatnya, sebahagian besar sumber telah diperuntukkan

kepada sekolah kebangsaan bagi memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama. Ini merupakan pilih kasih kepada sekolah kebangsaan dan ketidakadilan terhadap aliran sekolah yang lain.

Selain itu, rancangan-rancangan Malaysia yang lalu tidak mengagihkan peruntukan pembangunan pendidikan berasaskan bilangan murid dan keperluan pembangunan setiap aliran sekolah. Oleh itu, jumlah peruntukan yang diagihkan kepada sekolah kebangsaan adalah begitu besar sekali berbanding dengan peruntukan kecil yang diagihkan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Ini tidak menepati prinsip keadilan dalam pengagihan sumber pendidikan.

Oleh itu, PIPP seharusnya membetulkan ketidakseimbangan dalam pengagihan dan pengurusan sumber pendidikan, serta menyusun semula struktur kewangan pendidikan agar semua rakyat selaku pembayar cukai dapat menikmati sumber pendidikan tersebut. Ini penting untuk menghapuskan diskriminasi pendidikan dari segi perbezaan bangsa, warna kulit, bahasa, agama, politik, latar masyarakat dan ekonomi. Penghapusan diskriminasi tersebut adalah penting bagi pembangunan pendidikan untuk semua dan pembinaan masyarakat yang harmoni.

3.5.4 Mendorong pembangunan profesion keguruan

Mengikut PIPP, KPM mempunyai 360 ribu orang guru di semua peringkat sekolah. KPM mengakui kualiti guru merupakan faktor penentu kepada kejayaan atau

kegagalan pendidikan negara. KPM berhasrat untuk mempertingkatkan kualiti guru dan pembangunan profesion keguruan.

Untuk mencapai matlamat dan dasar memartabatkan profesion keguruan, PIPP memberi perhatian khusus terhadap 5 perkara utama, iaitu menambah baik sistem pemilihan calon guru, memantapkan latihan perguruan, memantapkan kerjaya guru, menambah baik persekitaran kerja dan kebajikan guru, serta memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia. Di samping itu, PIPP juga menggubal satu pelan tindakan lima tahun dan memperuntukkan RM 1.6 bilion untuk tujuan tersebut.

KPM sememangnya berusaha untuk mempertingkatkan tahap profesion keguruan. Akan tetapi, perancangan lima perkara utama tersebut masih terhad dan berada di takuk lama, serta tidak melibatkan cara baru.

Pertama, gaji guru masih terikat dengan sistem gaji kakitangan awam yang sedia ada. Ini menyukarkan pembaharuan gaji guru. Negara kita seharusnya belajar daripada pengalaman negara maju bagi menggubal satu sistem gaji yang berlainan untuk guru supaya senang menjalankan sebarang pembaharuan.

Kedua, permit mengajar seseorang guru adalah sepanjang tempoh perkhidmatannya. Keadaan ini tidak menggalakkan para guru melanjutkan pelajaran untuk mempertingkatkan tahap profesionalisma mereka.

Di negara maju, kerajaan mengeluarkan sijil kelayakan guru manakala permit

mengajar dikeluarkan oleh pertubuhan profesion keguruan. Seseorang guru akan dinilai semula dalam tempoh perkhidmatan tertentu. Para guru yang lulus dalam penilaian tersebut akan dilanjutkan permit mengajarnya, dan menikmati kenaikan gaji dan pangkat.

Di negara kita, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang dilaksanakan pada masa kini tidak merupakan satu penilaian profesion keguruan dan tidak berkesan dalam mempertingkatkan status dan profesion keguruan.

Ketiga, pada masa ini masih tidak ada sistem yang sempurna bagi memberi bimbingan kaunseling kepada guru yang tidak dapat menyesuaikan diri dan tidak ada strategi sempurna bagi membetulkan guru yang tidak bertanggungjawab.

Keempat, PIPP tidak mengemukakan cara-cara bagi mengatasi masalah kekurangan guru yang dihadapi oleh SJKC selama ini. Selain itu, kami berharap tindakan mensifarkan guru sandaran tidak terlatih yang disebutkan dalam PIPP dapat dilaksanakan dalam SJKC.

Kelima, penyelidikan pendidikan merupakan aspek yang penting bagi mempertingkatkan profesion keguruan. Akan tetapi, ia merupakan satu aspek yang amat lemah dalam kalangan guru masa kini. PIPP tidak mengemukakan perancangan terperinci bagi memupuk amalan penyelidikan pendidikan dalam kalangan guru. Pembangunan dalam bidang teori pendidikan tidak harus diabaikan dan jauh ketinggalan berbanding dengan peningkatan dalam bidang teknologi pendidikan.

Kerjaya pendidikan adalah satu profesion

dan tidak bersamaan dengan kerjaya yang lain. Malangnya, kerjaya pendidikan pada masa ini masih tidak mencapai tahap profesionalisma yang diharapkan. Untuk mempertingkatkan status dan martabat profesion keguruan, maka isu-isu penguasaan ilmu dan kemahiran, permit mengajar, pengurusan dan perkembangan kerjaya guru hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya.

3.5.5 Penggunaan ICT secara menyeluruh

PIPP menegaskan kepentingan ICT dalam pendidikan. Penggunaan ICT akan diperluaskan bagi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta kualiti pendidikan.

Dalam hal ini, KPM melaksanakan pelbagai rancangan berkaitan seperti program pembestarian sekolah, School Net, My School Net, pembinaan makmal komputer, TV pendidikan, penggunaan ICT dalam proses P&P, urusan pentadbiran dan latihan guru, dan sebagainya. Untuk itu, KPM memastikan penyediaan komputer dan perisian P&P yang mencukupi dan mengadakan latihan ICT kepada guru.

Pelaksanaan penggunaan ICT secara menyeluruh oleh KPM adalah tepat pada masanya. Hal ini bukan sahaja menepati keperluan era teknologi maklumat, malah selari dengan tren pembaharuan pendidikan di peringkat antarabangsa.

Dalam pelaksanaannya, KPM selalunya mengabaikan SJKC dan SJKT. Kejadian ini amat mengecewakan. Contohnya terdapat 6 buah sekolah kebangsaan dipilih menyertai projek rintis Sekolah

Bestari, tetapi SJKC dan SJKT pula tidak diberikan peluang. Keadaan yang sama juga berlaku dalam penyediaan komputer dan pembangunan perisian P&P. SJKC dan SJKT tidak mendapat layanan yang adil dan munasabah dalam pengagihan sumber pendidikan.

PIPP hendaklah membetulkan pelbagai ketidakadilan yang berlaku dalam pelaksanaan penggunaan ICT, dan menggubal dasar pendidikan yang adil dan munasabah kepada semua aliran sekolah bagi memastikan konsep pendidikan yang maju dan pembaharuan pendidikan dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

3.6 Melangkah ke arah kecemerlangan institusi pendidikan

PIPP menegaskan hasratnya untuk menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua dan membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf antarabangsa bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing. Oleh itu, KPM akan mempertingkatkan institusi pendidikan sedia ada yang cemerlang ke tahap yang lebih cemerlang.

KPM mengakui pendekatan “satu saiz untuk semua” tidak sesuai lagi kerana pendekatan ini mungkin akan menyebabkan institusi yang cemerlang sukar untuk melestarikan kecemerlangan. Pada masa yang sama, adalah tidak adil untuk mengharapkan perubahan daripada institusi pendidikan yang masih belum bersedia dan bergelut dengan isu kekurangan kemudahan asas.

Dengan ini, KPM berpendapat bahawa pendekatan yang lebih khusus diperlukan bagi memastikan kepelbagaian pendidikan untuk memenuhi minat, potensi, kecenderungan dan kebolehan pelajar dan pelbagai jenis sekolah. Oleh itu, KPM mengklasifikasi institusi pendidikan kepada 5 kluster, iaitu kulster sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah

pendidikan khas, sekolah-sekolah di luar seliaan KPM, dan institusi lepas menengah.

KPM akan menetapkan pendekatan, piawaian dan penanda aras yang berbeza bagi setiap kluster untuk membangunkan institusi pendidikan yang cemerlang sebagai contoh kepada institusi-institusi lain dalam kluster tersebut.

Institusi pendidikan yang cemerlang tersebut akan dijadikan showcase pada peringkat antarabangsa sebagai bukti keupayaan sistem pendidikan negara, seterusnya membantu Malaysia menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan. Di bawah dasar ini, KPM akan membantu sekolah swasta menjalankan latihan guru.

Dari segi strategi pelaksanaan, KPM akan memilih 300 buah institusi pendidikan yang menyerlah dan cemerlang dalam kluster masing-masing berasaskan piawaian penilaian yang ditetapkan, manakala institusi yang dipilih hendaklah mempertingkatkan bidang khususnya (niche areas). Institusi-institusi cemerlang ini akan diberikan kuasa autonomi yang lebih besar, termasuk dari segi pemilihan guru besar/pengetua, pihak pengurusan, guru, staf sokongan dan murid; pewujudan kelas khas, penawaran kurikulum luar negara, pemilihan dan pembelian bahan P&P, penjana kewangan seperti mengutip yuran tambahan bagi membiayai pelbagai kegunaan.

Dong Jiao Zong berpendapat bahawa hasrat KPM untuk membangunkan 300 buah institusi pendidikan yang cemerlang sebagai contoh kepada institusi-institusi yang lain dan menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan merupakan suatu usaha yang baik. Akan tetapi, sekiranya perkara ini tidak diuruskan dengan sewajarnya, ia mungkin mendatangkan kesan yang tidak baik.

Institusi pendidikan cemerlang yang mempunyai kuasa autonomi lebih besar sememangnya boleh mengaktifkan penyertaan dan tanggungjawab yang lebih besar bagi mempertingkatkan pembangunan institusi tersebut. Akan tetapi, KPM perlu memberi

penjelasan yang lebih terperinci berkenaan kuasa autonomi tersebut. Pada hakikatnya, sesetengah sekolah cemerlang mempunyai lembaga pengelola sekolah. Oleh itu, KPM hendaklah menghormati kuasa dan kedudukan lembaga pengelola sekolah sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan sekolah sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. KPM tidak boleh merampas kuasa lembaga pengelola sekolah dalam pengurusan sekolah.

Selain itu, pewujudan kelas khas hendaklah dipertimbangkan dengan berhati-hati, terutamanya pengalaman daripada pelaksanaan program bagi murid darjah 3 yang cemerlang terus memasuki darjah 5 yang akhirnya menemui kegagalan. Oleh itu, KPM hendaklah menguruskan isu pewujudan kelas khas dengan berhati-hati.

Selain itu, KPM hendaklah menjelaskan sama ada pemberian peruntukan kewangan kepada institusi-institusi yang cemerlang akan dikurangkan apabila institusi tersebut menjana kewangannya sendiri dan mengutip yuran tambahan. Pengurangan peruntukan oleh KPM akan membebankan institusi tersebut dan para ibu bapa.

PIPP menegaskan kepentingan pendidikan holistik dan berpendapat tidak harus terlalu bergantung kepada peperiksaan dalam penilaian prestasi pelajar. Walaupun PIPP menetapkan beberapa elemen yang digunakan dalam penilaian sesebuah institusi pendidikan cemerlang, elemen utama yang digunakan masih cenderung kepada keputusan peperiksaan. Dong Jiao Zong berpendapat bahawa KPM seharusnya menetapkan suatu kadar peratusan tertentu bagi setiap elemen penilaian tersebut supaya tidak terjerumus ke dalam takuk lama yang terlalu mengutamakan keputusan peperiksaan, iaitu institusi-institusi pendidikan mengutamakan keputusan peperiksaan bagi merebut nama sebagai sekolah cemerlang dan keputusan peperiksaan dijadikan syarat utama seseorang pelajar memasuki sesuatu institusi pendidikan cemerlang.

Selain itu, KPM harus mengelakkan daripada

berlakunya sekolah cemerlang menjadi sekolah elit dan sumber pendidikan dimonopoli oleh sesetengah sekolah agar tidak bertentangan dengan matlamat merapatkan jurang pendidikan. Sebenarnya, matlamat pendidikan adalah untuk pembangunan insan. Pelbagai kaedah digunakan untuk pembangunan insan, yang pentingnya adalah P&P yang sesuai dengan keperluan pelajar, memperolehi peluang dan sumber pendidikan yang adil dan munasabah. Dalam hal ini, KPM dapat melihat masalah-masalah “satu saiz untuk semua” dari pelbagai sudut. Ini merupakan satu perkara yang amat dihargai. Oleh itu, Dong Jiao Zong berpendapat bahawa KPM harus melangkah setapak lagi agar mengutamakan keunikan sesebuah sekolah, iaitu mendefinisikan semula sekolah cemerlang berlandaskan konsep keunikan sesebuah sekolah. Di bawah konsep baru ini, piawaian pengambilan kemasukan pelajar dan keputusan peperiksaan dilonggarkan, peluang dan sumber pendidikan dinikmati secara adil dan munasabah. Dengan itu, setiap sekolah yang dapat menunjukkan keunikan sekolah yang tersendiri akan dilihat sebagai sebuah sekolah cemerlang, manakala pelajar yang mempunyai keperluan yang berbeza dapat belajar di sekolah yang sesuai dengan mereka. Dengan itu, lebih banyak pelajar dapat memperkembangkan potensi masing-masing dan akhirnya memenuhi keperluan negara terhadap pelbagai jenis modal insan. KPM seharusnya menggalakkan semua institusi pendidikan supaya membangunkan keunikan masing-masing. KPM boleh memilih institusi-institusi pendidikan yang cemerlang sebagai contoh bagi memperkembangkan keunikan dan kejayaan pendidikan institusi tersebut di peringkat antarabangsa.

Mengikut PIPP, KPM berhasrat membantu pembangunan sekolah swasta dan sekolah antarabangsa untuk menarik minat warga asing dan pelaburan asing, mengurangkan aliran keluar mata wang dan mengelakkan brain drain di kalangan rakyat Malaysia. Ini merupakan satu cadangan yang baik. Akan tetapi, mengikut perangkaan sekolah swasta yang

dinyatakan dalam PIPP, didapati sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) tidak disenaraikan ke dalam PIPP tersebut. Pada hakikatnya, Sijil Peperiksaan Bersama (UEC) SMPC telah diiktiraf oleh sejumlah besar institusi pengajian tinggi luar negara, tetapi selama ini kerajaan kita masih tidak mengiktiraf sijil tersebut. Sebenarnya, SMPC adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara kita dan telah melahirkan ramai modal insan yang menyumbang kepada kemajuan negara. Kerajaan seharusnya memberi layanan yang adil dan munasabah kepada SMPC, termasuk mengiktiraf sumbangan SMPC dan membantu pembangunan SMPC.

PIPP menegaskan empat teras utama dalam pembangunan sistem pendidikan negara, iaitu: akses kepada pendidikan, ekuiti dalam pendidikan, kualiti dalam pendidikan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan pendidikan agar dapat menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk semua rakyat negara ini. Oleh itu, tindakan PIPP mengabaikan SMPC merupakan satu perkara yang tidak munasabah.

3.7 Strategi dan langkah pelaksanaan PIPP

Bab 3 hingga Bab 10 PIPP telah menyatakan teras strategik dan langkah tertentu untuk melaksanakan matlamat dan konsep pendidikan PIPP. Bab 10 menegaskan bahawa pendidikan merupakan satu agenda negara yang bukan sahaja dipikul oleh KPM, malah memerlukan penyertaan, komitmen dan kerjasama daripada pelbagai pihak agar agenda pendidikan tersebut berjaya dilaksanakan. Selain itu, KPM perlu membangunkan sistem pengurusan, pentadbiran, penyampaian, pemantauan dan penilaian yang berkesan agar setiap program yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat yang disasarkan.

Sekiranya pendidikan merupakan satu kerjaya yang melibatkan semua rakyat, maka PIPP sebagai satu pelan yang menggariskan arah pembangunan pendidikan negara dalam tempoh lima tahun itu hendaklah menjaga pembangunan pendidikan dan

keperluan semua pihak secara menyeluruh. Walaupun KPM menyedari kesukaran dalam pelaksanaan pelan tersebut, tetapi skop pihak berkepentingan yang digariskan dalam PIPP terhad kepada beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan masyarakat sahaja, sebaliknya mengelak daripada berinteraksi dengan pertubuhan-pertubuhan masyarakat daripada sekolah aliran yang lain seperti sekolah-sekolah Cina, Tamil, mubaligh, dan agama.

Selain itu, PIPP menyatakan bahawa KPM mendapat RM 23.198 bilion peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 untuk melaksanakan 17179 projek di pelbagai bidang. Seterusnya, PIPP hanya menjelaskan secara terperinci peruntukan dan projek pembangunan sekolah kebangsaan, tetapi tidak menjelaskan secara terperinci peruntukan dan projek pembangunan sekolah aliran yang lain. Oleh itu, dapat dilihat "pihak berkepentingan" yang dimaksudkan oleh KPM adalah tidak menyeluruh.

Dong Jiao Zong mencadangkan agar KPM mendengar dan menerima pandangan pelbagai pihak, menghormati hak rakyat dalam pemilihan jenis pendidikan, memenuhi hak asasi manusia dan keperluan pendidikan rakyat, memberi layanan yang adil dan munasabah kepada semua aliran sekolah untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada semua rakyat.

Selain itu, KPM harus menggubal satu sistem yang telus dalam mengadakan satu ruang yang demokratik dan terbuka untuk berinteraksi dengan semua pihak, mengambil berat tentang pandangan yang dikemukakan oleh semua aliran sekolah dan pertubuhan masyarakat, dan membangunkan semua aliran sekolah secara adil dan munasabah. Dengan itu, barulah dapat mencapai matlamat "penyertaan semua rakyat, layanan yang adil, pengurusan berkesan", serta membuka peluang kepada pertubuhan-pertubuhan masyarakat daripada semua aliran sekolah agar dapat memainkan peranan aktif dan memberi sumbangan dalam sistem penyampaian, pemantauan dan penilaian

pendidikan.

(4) CADANGAN

Pada 1 hingga 2 November 1997, Dong Jiao Zong menganjurkan satu seminar berkenaan pendidikan bahasa ibunda kaum-kaum minoriti Malaysia (Seminar on Mother Tongue Education of Malaysian Ethnic Minorities). Seminar tersebut dihadiri oleh hampir 100 orang dari UNESCO/LINGUAPAX, Persatuan Peguam Malaysia, Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM), ahli anthropology dan wakil-wakil kaum minoriti seperti Cina, Tamil, Kadazan, Iban, Bidayuh, Melanau, Murut, Ulu dan orang asli Semenanjung. Seminar ini telah meluluskan 4 resolusi dan 6 rayuan berikut:

Empat Resolusi:

1. Kepelbagaian bahasa (*linguistic diversity*) dan kepelbagaian bahasa pengantar dalam pendidikan (*multilingual education*) hendaklah dihormati. Perpaduan hendaklah dicapai melalui kesaksamaan peluang, perlindungan hak asasi manusia dan demokrasi.
2. Pengiktirafan terhadap bahasa kebangsaan dan perkembangan bahasa antarabangsa tidak boleh digunakan untuk menjejaskan kedudukan dan maruah bahasa-bahasa kaum minoriti dan kelebihan kepelbagaian bahasa pengantar dalam pendidikan.
3. Pendidikan bahasa ibunda adalah hak asasi setiap kaum dan hendaklah diterjemahkan ke dalam undang-undang dan dasar-dasar pendidikan.
4. Aset bahasa kaum minoriti hendaklah dilindungi, manakala pendidikan bahasa ibundanya hendaklah diperkembangkan.

Enam Rayuan:

1. Meminda Akta Pendidikan 1996 bagi menterjemahkan dasar pendidikan kebangsaan yang ditetapkan oleh Ordinan Pelajaran 1957

untuk memastikan penggunaan, pengajaran dan pembelajaran, serta perkembangan bahasa setiap kaum di negara ini.

2. Memberi bantuan kewangan dan bantuan lain yang mencukupi kepada institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan bahasa ibunda kepada kaum minoriti.
3. Melaksanakan program pendidikan formal, latihan perguruan, kurikulum dan bahan pembelajaran bagi menyokong pembangunan pendidikan bahasa ibunda kaum minoriti terutamanya kaum orang asli.
4. Mewajibkan kelas bahasa ibunda dalam waktu persekolahan di sekolah yang terdapat sekurang-kurangnya 5 orang murid kaum minoriti.
5. Mengadakan kursus pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan bahasa ibunda di institusi pengajian tinggi.
6. membenarkan dan menggalakkan kaum minoriti mempelajari bahasa ibunda dan memperkembangkan pendidikan bahasa ibunda ke peringkat yang lebih tinggi mengikut kemampuan sumber negara.

Selepas seminar tersebut, Dong Jiao Zong telah mengumumkan “Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong” pada Ogos 1999 berdasarkan kepada semangat dan ketetapan yang dinyatakan dalam deklarasi dan resolusi antarabangsa, serta pengalaman DJZ dalam pendidikan bahasa ibunda. Deklarasi DJZ tersebut menegaskan pendiriannya melalui 6 penyata dan 12 tuntutan berikut:

Enam Penyata:

1. Prinsip toleransi dan kepelbagaian berkenaan kebudayaan, pendidikan dan bahasa adalah prinsip asasi yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.
2. Pendidikan Bahasa Ibunda adalah hak asasi setiap bangsa dan manusia. Ia mesti direalisasikan

melalui dasar dan akta pendidikan.

3. Memperuntukkan dan mengembangkan pendidikan bahasa ibunda bagi kaum-kaum yang pelbagai itu tidak akan menjejaskan status bahasa kebangsaan atau kepentingan bahasa antarabangsa; kewujudan bersama yang aman boleh merealisasikan prinsip toleransi dan kepelbagaian pendidikan serta prinsip linguistik.
4. Bahasa ibunda adalah jiwa sesuatu kaum dan adalah cara bagi kaum itu untuk meneruskan warisan kebudayaan, dan ia berkait rapat dengan status, maruah dan identiti kaum tersebut. Penerimaan ke atas kewujudan dan perkembangan bebas pendidikan bahasa ibunda adalah realisasi kesamaan antara kaum dalam bidang pendidikan.
5. Pendidikan bahasa ibunda adalah cara pendidikan yang paling tepat dan efektif. Ia membantu memupuk maruah sesuatu kaum dan memupuk sikap toleransi, demokrasi serta keyakinan sendiri rakyat.
6. Hakikat menunjukkan bahawa percubaan untuk mengasimilasikan sistem pendidikan, kebudayaan serta bahasa hanya menimbulkan konflik perkauman. Sebaliknya, sikap hormat terhadap toleransi dan kepelbagaian menjamin kefahaman dan kesepakatan sebenar di antara rakyat berbilang kaum.

Berikutan dengan perkara yang tersebut di atas, Dong Jiao Zong menyeru kepada pihak yang berkuasa untuk merealisasikan 12 tuntutan di bawah:

Dua Belas Tuntutan:

1. Untuk mengesahkan, menerima dan melaksanakan segala persetujuan antarabangsa berkenaan prinsip-prinsip toleransi dan kepelbagaian kebudayaan, pendidikan dan linguistik.
2. Untuk menyingkirkan dasar pendidikan satu bahasa, agar dapat merealisasikan semangat dan kepelbagaian yang ditekankan dalam Deklarasi Prinsip Toleransi.
3. Menteri Pendidikan perlu mengambil inisiatif untuk menambahkan bilangan sekolah rendah Tamil dan Cina di kawasan yang padat penduduk berketurunan India atau Cina, bagi memastikan hak-hak pelajar untuk menerima pendidikan bahasa ibunda terpelihara.
4. Pihak berkuasa harus mengusulkan penyelesaian yang konkrit berkenaan ketidakseimbangan di antara lebih bilangan guru (lebih 10 ribu orang guru berlebihan) di sekolah kebangsaan dan kekurangan tenaga pengajar yang berterusan di sekolah rendah Cina, agar dapat mengurangkan perasaan tidak puas hati yang semakin meningkat dalam kalangan ibu bapa dan untuk melindungi kepentingan pelajar dalam pembelajaran yang sempurna.
5. Pihak kerajaan harus bersikap adil terhadap sekolah yang beraliran bahasa berlainan dalam memperuntukkan wang latihan guru, merekabentuk/merancang kurikulum dan bahan pengajaran (termasuk pembangunan perisian komputer), kemudahan dan perkakasan asas, dan mengelakkan dari diskriminasi ke atas sekolah Tamil dan Cina.
6. Pihak kerajaan harus menyingkirkan sebarang langkah atau niat untuk menukar sifat sekolah Tamil dan Cina, termasuk cadangan "Sekolah Wawasan", perlantikan guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Cina untuk jawatan pentadbiran di sekolah rendah Cina, merampas hak-hak yang sedia ada pada Lembaga Pengurus dalam hal pengurusan sekolah dan sebagainya.
7. Pihak kerajaan harus mengiktiraf sumbangan Sekolah Menengah Persendirian Cina terhadap perkembangan pendidikan kebangsaan dan pembangunan negara, dengan membantu sekolah-sekolah tersebut dalam hal-hal kewangan, latihan guru, pengajaran, pembinaan, kemudahan dan sebagainya, dan membenarkan penempatan

semula, penubuhan cawangan atau sekolah-sekolah baru. Kerajaan juga harus mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Persendirian Cina sebagai kelulusan akademik untuk memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), perkhidmatan awam dan maktab perguruan, agar dapat memberikan peluang yang sama rata bagi tamatan untuk meneruskan pelajaran dan pekerjaan.

8. Pihak kerajaan harus menukar dasar yang menekankan bahasa asing dan mendiskriminasikan bahasa-bahasa tempatan. Pada masa ini, kerajaan meluluskan permohonan kolej dan universiti asing yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk mendirikan cawangan di negara kita, dan membenarkan beratus-ratus kolej swasta menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar manakala Bahasa Cina, iaitu bahasa ibunda kaum Cina negara ini, tidak dibenarkan sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi tempatan.
9. Pihak kerajaan harus menyingkirkan sebarang prejudis atau alasan bukan akademik, perkauman atau politik, dan mengiktirafkan ijazah-ijazah yang dianugerahkan oleh Universiti Nanyang dan universiti-universiti Taiwan, China serta negara-negara yang bukan aliran bahasa Inggeris; agar mengakui sumbangan graduan institusi tersebut dalam sektor-sektor pendidikan, kebudayaan, ekonomi dan politik serta mengelakkan "penghijrahan cendekiawan".
10. Pihak kerajaan harus mematuhi jaminan dan persetujuan yang dicapai semasa pertukaran aliran pada tahun 1962, untuk memulihkan status sah dan nama sekolah menengah jenis kebangsaan, terutama melaksanakan peruntukan 1/3 masa persekolahan kepada pengajaran dalam bahasa pengantar Cina, peruntukan wang satu ringgit kepada satu ringgit bagi pembinaan tambahan premis sekolah, pentadbir termasuk

pengetua sekolah terdiri daripada kakitangan yang berkelulusan Bahasa Cina, dan hak-hak yang sedia ada pada Lembaga Pengurus dalam hal-hal pengurusan sekolah.

11. Memandangkan pentingnya bahasa ibunda, kelas bahasa ibunda pelajar (Pupil's Own Language - POL) harus diadakan dalam kurikulum biasa sekolah selagi terdapat lima orang pelajar dari mana-mana kaum di sesebuah sekolah. Pihak kerajaan harus meningkatkan latihan guru, kurikulum dan susunan kelas POL, dan menjadikan bahasa ibunda sebagai mata pelajaran yang wajib dalam peperiksaan dan pembelajaran untuk menekankan kepentingan bahasa tersebut.
12. Peruntukan wang yang mencukupi dan lain-lain bantuan harus diberi kepada setiap institusi pendidikan bahasa ibunda di negara ini, agar dapat mendorong pembelajaran bahasa ibunda dan meningkatkan prestasinya.

Berdasarkan kedua-dua dokumen di atas, Dong Jiao Zong mengemukakan cadangan-cadangan berikut terhadap PIPP:

4.1 **Pembangunan semua aliran sekolah secara adil dan munasabah merupakan faktor utama untuk mencapai kejayaan**

PIPP menegaskan bahawa pendidikan adalah agenda negara. Agenda ini tidak dapat mencapai kejayaan sekiranya hanya melibatkan satu pihak sahaja. Sebaliknya, penglibatan, komitmen dan kerjasama pelbagai pihak amat penting bagi menjayakan agenda tersebut.

Kami berpendapat pendidikan merupakan satu kerjaya yang berkait rapat dengan kepentingan rakyat dan negara. Setiap warganegara, institusi pendidikan dan pertubuhan masyarakat merupakan pihak yang berkepentingan dengan agenda pendidikan negara.

Kami mencadangkan agar kerajaan bersikap terbuka dan mendengar pandangan daripada pelbagai

pihak. Kerajaan haruslah memperbetulkan perkara-perkara dalam PIPP yang tidak menepati keadaan kepelbagaian bangsa, bahasa dan budaya negara kita supaya sesuai dengan keperluan pembangunan semua rakyat. Barulah ini dapat menggembelng tenaga semua rakyat supaya bersama-sama berusaha untuk membangunkan negara kita sebagai sebuah negara maju.

4.2 Mengumumkan rancangan pembangunan sekolah aliran lain seperti mana dengan sekolah kebangsaan

PIPP menegaskan bahawa usaha memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai sekolah pilihan utama masyarakat tidak akan meminggirkan sekolah aliran yang lain. Walaupun kerajaan mengakui kewujudan sekolah-sekolah pelbagai aliran di negara kita, tetapi statistik dan perancangan yang dinyatakan dalam setiap bab PIPP dengan jelasnya mengutamakan pembangunan SK sebagai sekolah pilihan utama. Sebaliknya, perkara-perkara pembangunan yang berkaitan dengan aliran sekolah yang lain adalah begitu kabur sekali dan sepintas lalu sahaja. Dengan kata lain, PIPP tidak menyatakan dengan jelasnya rancangan-rancangan pembangunan sekolah aliran yang lain.

PIPP selaku sebuah pelan pembangunan pendidikan yang bertujuan menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua dan menggalakkan penyertaan pihak yang berkepentingan, maka KPM hendaklah mempertingkatkan ketelusan dan memberi penjelasan terhadap pelbagai perkara termasuk pembangunan dan pengagihan sumber pendidikan kepada setiap aliran sekolah.

Negara kita adalah sebuah negara demokrasi dan masyarakat *rule of law*. Semangat ini hendaklah dipraktikkan dalam bentuk sistem, undang-undang, dasar dan langkah-langkah pentadbiran supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Oleh itu, kami mencadangkan agar kerajaan

meminda Akta Pendidikan 1996 bagi membatalkan seksyen-seksyen yang melaksanakan dasar pendidikan *unilateral* dan “matlamat muktamad”, iaitu sistem pendidikan satu jenis aliran sekolah.

Berbanding dengan pembangunan sekolah kebangsaan, PIPP harus menyatakan dengan jelasnya langkah-langkah dan projek pembangunan SJKC, SJKT, sekolah mubaligh dan sekolah agama. Selain itu, KPM juga harus meminda PIPP bagi mengadakan beberapa bab yang menerangkan pembangunan SJKC, SJKT, sekolah mubaligh dan sekolah agama, menambah peruntukan pembangunan dan mengagihkan tanah rizab sekolah yang mencukupi kepada sekolah-sekolah tersebut untuk pelbagai tujuan pembangunan. Pindaan tersebut haruslah memperjelaskan maklumat pembangunan terperinci yang berkaitan seperti dasar, strategi, projek, peruntukan pembangunan, masa pelaksanaan, dan sebagainya. Dengan cara ini barulah dapat memberi perhatian serius terhadap masalah yang dihadapi dan menyelesaikannya.

4.3 Menggubal mekanisme interaksi yang demokratik dan terbuka untuk mendengar dan menerima pandangan daripada pelbagai aliran sekolah dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat

PIPP menyatakan bahawa isu pendidikan adalah rumit dan kadangkala berada di luar bidang kuasa dan kepakaran KPM untuk menyelesaikannya. Justeru itu, penglibatan, komitmen dan kerjasama pelbagai pihak adalah amat penting. PIPP menjelaskan bahawa walaupun KPM tiada mekanisme yang spesifik untuk menggembelng tenaga dan usaha daripada pihak yang berkepentingan, KPM sentiasa bersikap terbuka terhadap cadangan daripada pelbagai pihak.

Dong Jiao Zong berpendapat bahawa walaupun KPM memberi perhatian terhadap masalah pelaksanaan program pendidikan, tetapi pihak berkepentingan yang digariskan dalam PIPP masih terhad dan hanya melibatkan pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan

agensi-agensi kerajaan tertentu sahaja. PIPP tidak mengambil berat tentang penglibatan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan sekolah-sekolah Cina, Tamil, mubaligh, dan agama. Jelasnya, skop pihak berkepentingan yang kerajaan berinteraksi masih tidak menyeluruh.

Kami mencadangkan agar KPM menggubal satu mekanisma yang telus untuk mengadakan satu ruang interaksi yang demokratik dan terbuka, serta mengambil berat tentang pandangan yang dikemukakan oleh semua aliran sekolah dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat, termasuk Dong Jiao Zong. Di samping itu, KPM harus membetulkan dasar-dasar dan urusan pentadbiran tertentu agar membangunkan semua aliran sekolah secara adil dan manasabah, menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka selama ini. Barulah ini dapat mencapai semangat “penyertaan semua rakyat, keadilan untuk semua dan pengurusan berkesan” untuk memperkembangkan semua aliran sekolah sebagai aset dan daya saing kepada negara. Selain itu, KPM harus membuka peluang kepada pertubuhan pendidikan masyarakat daripada setiap aliran sekolah supaya memainkan peranan aktif dan memberi sumbangan dalam sistem penyampaian, pemantauan dan penilaian pendidikan.

4.4 Meminda Akta Pendidikan 1996 untuk penubuhan lembaga pengelola sekolah di setiap aliran sekolah rendah dan menengah

Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahawa sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan yang berstatus sekolah bantuan kerajaan, serta sekolah yang tidak menerima bantuan kerajaan hendaklah menubuhkan lembaga pengelola sekolah. Manakala sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan yang berstatus sekolah kerajaan pula tidak ada lembaga pengelola sekolah. Dalam kata lain, pada masa ini akta pendidikan memperuntukkan sekolah-sekolah tertentu hendaklah menubuhkan lembaga pengelola sekolah,

dan menetapkan tiada lembaga pengelola sekolah ditubuhkan di sekolah-sekolah yang lain.

Sebenarnya, kedua-dua Ordinan Pelajaran 1957 dan Akta Pelajaran 1961 sebelum ini menetapkan penubuhan lembaga pengelola sekolah di semua sekolah.

Kami berpendapat bahawa lembaga pengelola sekolah dapat memainkan peranan aktif dalam sistem penyampaian dan sistem pemantauan untuk memastikan program dan projek pendidikan dapat dilaksanakan dengan telus, cekap dan berkesan.

Lembaga pengelola sekolah merupakan suatu daya bantuan untuk memperkembangkan penyertaan sumber-sumber masyarakat dan konsep sekolah komuniti dalam pendidikan negara.

Kami mencadangkan agar kerajaan meminda Akta Pendidikan 1996 untuk menetapkan penubuhan lembaga pengelola sekolah di semua sekolah rendah dan menengah dari setiap aliran. Ini dapat menggalakkan penyertaan aktif penduduk dan pertubuhan komuniti dalam pembangunan sekolah. Penubuhan lembaga pengelola sekolah di setiap aliran sekolah dapat membantu sekolah-sekolah mengumpul sumber-sumber komuniti dengan berkesan di samping dapat mengurus dan membangunkan sekolah-sekolah dengan baik.

4.5 Menggubal dan melaksanakan satu sistem sekolah komuniti yang meliputi pembinaan setiap aliran sekolah

Sejak 30 tahun kebelakangan ini, negara kita berada dalam proses pemodenan dan pembedaran. Sejalan dengan perkembangan ini, peluang pendidikan semakin meluas, jumlah penduduk dan murid-murid bertambah setiap tahun. Ini menyebabkan penduduk bandar bertambah dengan pesatnya. Lantaran itu, keperluan rakyat terhadap setiap aliran sekolah turut bertambah.

Selama ini, kerajaan membina sejumlah besar sekolah kebangsaan di bawah setiap Rancangan Malaysia bagi memenuhi keperluan pembangunan.

Akan tetapi, kerajaan tidak membina sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembangunan.

Dari tahun 1970 hingga 2006, dianggarkan sekolah kebangsaan bertambah sekitar 2900 buah (termasuk sekolah rendah Inggeris yang ditukar kepada sekolah kebangsaan). Pada masa yang sama, bilangan sekolah jenis kebangsaan Cina telah berkurangan sebanyak 58 buah walaupun jumlah muridnya bertambah sebanyak 200 ribu orang, manakala sekolah jenis kebangsaan Tamil juga berkurangan sebanyak 134 buah.

Selain itu, terdapat beberapa kawasan pembangunan pesat dan berpenduduk padat di negara kita masih menghadapi masalah kekurangan SJKC atau tidak disediakan SJKC untuk memenuhi keperluan penduduk setempat. Masalah yang berpanjangan tersebut mendatangkan pelbagai masalah yang lain sehingga menyebabkan ramai ibu bapa merungut dan berasa tidak senang hati.

Pada hakikatnya, semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, pembinaan SJKC dan SJKT yang baru bukan sahaja kecil bilangannya, malah pihak lembaga pengurus sekolah dan masyarakat terpaksa bersusah-payah dan mengambil masa yang lama untuk mendapat kelulusan daripada kerajaan. Sebenarnya, Akta Pendidikan 1996 tidak melarang pembinaan SJKC dan SJKT yang baru. Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahawa "Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan dan hendaklah menyenggarakan sekolah-sekolah itu." Akan tetapi, pembinaan SJKC dan SJKT yang baru masih sukar untuk mendapat kelulusan.

Dari segi perancangan bandar dan desa, kerajaan menggunakan satu sistem "sekolah komuniti" bagi menubuhkan beberapa buah sekolah di sesuatu kawasan komuniti untuk menghasilkan satu persekitaran pendidikan yang baik. Kerajaan juga menetapkan kawasan pembangunan perumahan hendaklah

mematuhi garis panduan perancangan sekolah supaya menyediakan tanah rizab sekolah untuk tujuan pembinaan sekolah. Tetapi dalam pelaksanaannya pula tanah rizab sekolah selalunya digunakan untuk pembinaan sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan dan sekolah agama, manakala sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil sukar mendapat tanah rizab tersebut.

Selain itu, kerajaan tidak mengambil inisiatif yang proaktif untuk memasukkan SJKC dan SJKT ke dalam sistem perancangan dan pembinaan sekolah komuniti serta tidak memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan sekolah tersebut.

Selain itu, kerajaan tidak melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan SJKC dan SJKT mengikut keperluan dan pilihan pendidikan penduduk setempat, dan tidak mengambil inisiatif yang proaktif bagi memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan SJKC dan SJKT yang baru. Lantaran itu, kerajaan selalunya tidak mengenalpasti kawasan dan bilangan sekolah SJKC dan SJKT yang perlu dibina di samping tidak menentukan tanah rizab sekolah, peruntukan wang dan jadual masa bagi projek pembinaan sekolah-sekolah tersebut.

Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan melaksanakan satu sistem sekolah komuniti untuk pembinaan semua aliran sekolah. Sistem baru ini meliputi perkara-perkara utama berikut:

1. Mengumumkan dengan jelasnya sistem pembinaan sekolah yang meliputi kesemua aliran sekolah. Ini melibatkan dasar, prosedur, langkah-langkah yang diambil, agensi-agensi pelaksanaan dan tanggungjawabnya, serta menyelaraskan agensi-agensi kerajaan di pelbagai peringkat supaya mengambil inisiatif yang proaktif untuk pembinaan semua aliran sekolah agar projek-projek pembinaan sekolah tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan.
2. Menggubal dan melaksanakan satu sistem

pembinaan sekolah komuniti untuk semua aliran sekolah. Sistem tersebut seharusnya berasaskan kepada prinsip-prinsip “sekolah komuniti”, struktur penduduk, keperluan dan pilihan pendidikan penduduk setempat, di samping mengambil inisiatif yang proaktif untuk mengadakan satu mekanisma pengagihan tanah rizab sekolah dan peruntukan pembangunan untuk pembinaan setiap aliran sekolah.

3. Memasukkan projek-projek pembinaan setiap aliran sekolah ke dalam sistem perancangan pembangunan negara, iaitu rancangan pembangunan negara lima tahun (Rancangan Malaysia), belanjawan tahunan, pelan dan projek pembangunan pendidikan Kementerian Pelajaran, pelan-pelan pembangunan bandar dan desa (pelan struktur dan pelan tempatan), projek-projek pembangunan perumahan di seluruh negara, dan garis panduan perancangan sekolah.
4. Meminda garis panduan perancangan sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya memasukkan perancangan pembangunan setiap aliran sekolah ke dalam garis panduan tersebut untuk dijadikan kriteria dalam merancang pembinaan setiap aliran sekolah dan dilaksanakan di seluruh negara.
5. Kerajaan persekutuan haruslah mengambil inisiatif supaya kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan menetapkan bahawa pelan-pelan pembangunan (pelan struktur dan pelan tempatan) yang disediakan di setiap kawasan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 mestilah merangkumi analisis tentang masalah perancangan pembangunan kesemua aliran sekolah dan formula penyelesaiannya. Ini meliputi keperluan dan pembekalan (*demand and supply*) sekolah baru bagi setiap aliran sekolah, masalah kesesakan murid, pengagihan tanah rizab sekolah, projek pembinaan semula bangunan sekolah,

projek pembinaan bangunan tambahan sekolah, projek pembaikan dan penyenggaraan bangunan sekolah. Selain itu, kerajaan persekutuan haruslah mengambil inisiatif agar kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan mengumumkan hasil kajian mereka kepada orang ramai dan dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran dan jabatan-jabatan pelajaran negeri. Kerajaan persekutuan haruslah juga memastikan kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan tempatan melaksanakan satu garis panduan perancangan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah.

Pelaksanaan sistem sekolah komuniti yang meliputi pembinaan setiap aliran sekolah sememangnya dapat menyelesaikan masalah kekurangan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dengan berkesan. Akan tetapi, sepanjang masa ini kerajaan selalunya mengabaikan keperluan pembinaan SJKC dan SJKT yang baru. Ini mengakibatkan kawasan-kawasan perumahan baru tidak mempunyai SJKC dan SJKT. Lantaran itu, ibu bapa terpaksa menghantar anak mereka ke kawasan yang jauh untuk belajar, manakala sekolah-sekolah yang menerima murid-murid tersebut terpaksa mengorbankan ruang sekolah untuk mengembangkan bangunan agar dapat memenuhi keperluan murid-murid yang semakin bertambah. Pada hakikatnya, sekolah-sekolah tersebut selama ini telah menghadapi masalah kesesakan murid dan nisbah murid-guru yang tinggi sehingga mendatangkan kesan negatif kepada kualiti pendidikan murid-murid dan menambahkan lagi beban kerja guru.

Selain itu, Kementerian Pelajaran menggunakan pemindahan sekolah sebagai satu cara menangani masalah kekurangan SJKC. Kementerian juga meletakkan 7 syarat dalam pemindahan sekolah, antara lainnya termasuk mendapatkan persetujuan bertulis kesemua ibu bapa, menetapkan lembaga pengelola sekolah memperolehi tapak untuk pemindahan sekolah dan membina sendiri bangunan di tapak tersebut, tapak tersebut bukan tanah rizab sekolah. Ini merupakan

satu dasar yang tidak adil dan tidak munasabah yang menggunakan pemindahan sekolah sebagai gantian kepada pembinaan sekolah baru.

Apabila kawasan-kawasan komuniti di sesebuah bandar menghadapi masalah kekurangan SJKC, maka cara memindahkan SJKC dari suatu kawasan komuniti ke kawasan komuniti yang lain dalam bandar yang sama sememangnya tidak dapat menyelesaikan masalah kekurangan SJKC, malah menimbulkan pertelingkahan. Contohnya, SJKC Damansara merupakan satu-satunya SJKC bagi kawasan komuniti Damansara di Petaling Jaya. Sekolah tersebut menghadapi masalah kesesakan murid. Pada mulanya ia memohon untuk menubuhkan sekolah cawangan tetapi akhirnya ia dipindahkan ke Tropicana. Ini menyebabkan tapak asal SJKC Damansara ditutup dan kawasan komuniti Damansara tidak mempunyai sekolah rendah Cina lagi. Kejadian ini menimbulkan pelbagai pertelingkahan.

Pada hakikatnya, mengikut laporan perangkaan penduduk dan garis panduan perancangan sekolah yang dikeluarkan oleh kerajaan, dianggarkan bahawa Petaling Jaya memerlukan sebanyak 24 buah SJKC, tetapi setakat ini kawasan tersebut hanya mempunyai 8 buah SJKC sahaja, iaitu masih kekurangan 16 buah SJKC. Ini merupakan satu perkara yang serius. Oleh itu, kerajaan seharusnya membina SJKC yang mencukupi di beberapa kawasan komuniti dalam Petaling Jaya untuk menyelesaikan masalah kekurangan SJKC. Sebagai sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, kerajaan seharusnya mendengar suara hati rakyat

agar menjaga kehidupan, hak dan kepentingan rakyat. Kerajaan seharusnya mengguna semula tapak asal SJKC Damansara untuk tujuan pendidikan SJKC. Pengabaian tapak asal sekolah tersebut merupakan satu pembaziran sumber pendidikan komuniti yang bernilai.

Sekolah merupakan kemudahan asas sesuatu kawasan komuniti. Sekolah juga adalah keperluan asas penduduk. Oleh itu, kerajaan seharusnya melaksanakan satu sistem sekolah komuniti sambil memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan kesemua aliran sekolah agar memastikan murid-murid dapat belajar di kawasan komunitinya sendiri. Ini dapat membantu kemajuan, perpaduan dan keharmonian negara kita di samping mengelak berulangnya pelbagai masalah sehingga membebankan kos sosial negara kita.

4.6 Mengagih peruntukan pembangunan dan tanah rizab sekolah untuk pembinaan SJKC di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan belanjawan tahunan

Mengikut pengalaman pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-4 hingga Ke-8, kerajaan membina hampir 200 hingga 300 buah sekolah rendah dalam setiap rancangan Malaysia. Dari tahun 1981 hingga 2005, kebanyakan sekolah rendah yang dibina oleh kerajaan adalah sekolah kebangsaan, manakala keperluan pembinaan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang baru pula diabaikan (Sila rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Perubahan bilangan sekolah bagi setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke-4 hingga Ke-8

Rancangan Malaysia	SK	SJKC	SJKTI
1981	4,549	1,307	579
1986	4,809	1,290	553
1991	5,001	1,289	543
1996	5,206	1,285	531
2001	5,466	1,285	526
2006	5,774	1,288	523

RMK4(1981-1985)	+ 260	- 17	- 26
RMK5 (1986-1990)	+ 192	- 01	- 10
RMK6 (1991-1995)	+ 205	- 04	- 12
RMK7 (1996-2000)	+ 260	0	- 05
RMK8 (2001-2005)	+ 308	+ 03	- 03
Sehingga Januari 2006			
Jumlah (1981-2006)	+ 1,225	- 19	- 56

Sumber: *Perangkaan pendidikan tahun 1981, 1986, 1991, 2001 dan 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.*


Pada 31 Mac 2006, kerajaan mengumumkan bahawa sebanyak 180 buah sekolah rendah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010). Pada 27 April 2006, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam Dewan Rakyat berkata bahawa Kementerian Pelajaran akan menentukan bilangan SJKC yang perlu dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 manakala kabinet akan memutuskan keperluan pembinaan SJKC setelah mendapat cadangan daripada Menteri Pelajaran. Pada 16 Januari 2007, Kementerian Pelajaran mengumumkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dan berkata bahawa Kementerian Pelajaran akan memperuntukkan RM 1,296,855,000 untuk membina 178 buah sekolah kebangsaan.

Pada tahun kebelakangan ini, Dong Jiao Zong telah menjalankan satu siri kajian mengenai keperluan pembinaan SJKC baru berasaskan kepada laporan penduduk, perangkaan pendidikan, pelan pembangunan dan garis panduan perancangan sekolah yang dikeluarkan oleh kerajaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa Lembah Klang, Daerah Johor Bahru dan Negeri Pulau Pinang masih kekurangan sebanyak 134 buah SJKC, iaitu Daerah Gombak, Daerah Petaling, Daerah Klang dan Daerah Hulu Langat di negeri Selangor masing-masing kekurangan 12, 40, 7 dan 26 buah SJKC. Selain itu, Kuala Lumpur juga kekurangan 15 buah SJKC, Daerah Johor Bahru (termasuk Kulai) 21 buah dan negeri Pulau Pinang 13 buah (5 buah di Pulau Pinang, 8 buah di Seberang Perai). (Sila rujuk Jadual 2 dan Rajah 1)

Jadual 2: Keperluan, pembekalan dan kekurangan SJKC di Lembah Klang, Daerah Johor Bahru dan Negeri Pulau Pinang

Kawasan	Penduduk Cina (Tahun 2000)	Keperluan SJKC (2000)	SJKC Sedi Ada (2007)	Bilangan Kekurangan SJKC	Keperluan Tanah (Ekar)
Daerah Gombak	140,639	19	7	12	90
Daerah Petaling	429,548	57	17	40	300
Daerah Klang	209,039	28	21	7	53
Daerah Hulu Langat	302,414	40	14	26	195
Kuala Lumpur	560,153	56	41	15	45
Daerah Johor Bahru (termasuk Kulai)	430,593	57	36	21	105
Negeri Pulau Pinang	588,693	103	90	13	52
Jumlah	2,661,079	360	226	134	840

Sumber: *Laporan kajian dan memorandum pendidikan yang dikemukakan oleh Dong Zong, persatuan-persatuan lembaga pengurus sekolah di Kuala Lumpur, negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang.*

Rajah 1: Keperluan, pembekalan dan kekurangan SJKC di Lembah Klang

Oleh itu, kerajaan harus membuktikan keikhlasannya dengan menambah bilangan sekolah rendah yang perlu dibina bersertakan penambahan peruntukan pembinaan sekolah dan pengagihan tanah rizab sekolah. Kerajaan perlu mengambil tindakan konkrit agar menambah peruntukan dan pengagihan tanah rizab sekolah untuk membina 100 buah SJKC yang baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, belanjawan tahunan, pelan dan projek pembangunan Kementerian Pelajaran supaya dapat menyelesaikan masalah kekurangan SJKC yang dihadapi selama ini.

Dianggarkan kos pembinaan 100 buah SJKC yang baru di kawasan pembangunan pesat dan berpenduduk padat tersebut adalah sebanyak RM 1 bilion, iaitu puratanya RM 10 juta bagi setiap sekolah baru. Oleh itu, kerajaan seharusnya mengagihkan peruntukan pembangunan dan tanah rizab sekolah yang mencukupi untuk membina 100 buah SJKC tersebut secara berperingkat apabila membentangkan belanjawan tahun 2008, 2009 dan 2010. Secara puratanya, kerajaan perlu memperuntukkan RM 330 juta untuk membina 33 buah SJKC baru setiap tahun.

4.7 Menambah peruntukan pembangunan secara adil dan munasabah kepada setiap aliran sekolah

Semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 di Dewan Rakyat pada 31 Mac 2006, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata bahawa peruntukan pembangunan yang diagihkan kepada Kementerian Pelajaran ialah sebanyak RM 23.198 bilion. Daripada jumlah peruntukan pembangunan tersebut, sekolah rendah mendapat RM 4.8373 bilion. Pada 13 April 2006, Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Noh Omar dalam Dewan Rakyat berkata bahawa peruntukan pembangunan bagi SJKC dan SJKT adalah sebanyak RM 174.34 juta dan RM 64.84 juta masing-masing.

Pada 18 Julai 2006, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan satu senarai tender bagi projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-9. Senarai tender tersebut melibatkan sejumlah 880 projek dengan kos pembangunan sebanyak 15 bilion. Antara lainnya, senarai tender tersebut melibatkan 497 projek pembangunan sekolah rendah dan menengah, iaitu

250 projek sekolah rendah dan 247 projek sekolah menengah (Sila rujuk Jadual 3). Walau bagaimanapun, Pejabat Perdana Menteri tidak memberi maklumat terperinci mengenai jenis projek dan kos pembangunan bagi projek-projek sekolah tersebut. Pejabat tersebut juga tidak menyatakan dengan jelasnya sama ada projek-projek sekolah tersebut melibatkan SJKC dan SJKT.

Jadual 1: Garis panduan perancangan sekolah rendah

Sekolah	Projek RMK9	Projek PFI	Jumlah
Sekolah Rendah	70	180	250
Sekolah Menengah	70	177	247
Jumlah	140	357	497

Sumber: *Kenyataan Media Mengenai Senarai Tender bagi Projek Pembangunan di bawah RMK9 yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 18 Julai 2006.*

Selama ini, SJKC dan SJKT sukar mendapat peruntukan pembangunan daripada kerajaan. Mengikut peruntukan pembangunan di bawah beberapa rancangan Malaysia yang lalu, didapati kerajaan tidak memberi layanan yang adil dan munasabah kepada SJKC dan SJKT. Contohnya, SJKC dan SJKT masing-masing hanya mendapat 2.73 % (RM 133.6 juta) dan 1.17% (RM 57.6 jutat) daripada jumlah peruntukan pembangunan sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 walaupun bilangan murid SJKC dan SJKT mencapai 21% dan 3% daripada jumlah murid sekolah rendah (Sila rujuk Jadual 4).

Jadual 4: Peruntukan pembangunan bagi setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke-6 hingga Ke-9

Rancangan Malaysia	Perkara	SK	SJKC	SJKT	Jumlah
RMK6 (1991-1995) (RM)	Peruntukan (89.72%)	1,133,076,000 (8.14%)	102,726,000 (2.14%)	27,042,000 (100%)	1,262,844,000
	Bil. Murid (1991)	1,845,400 (72.98%)	583,218 (23.07%)	99,876 (3.95%)	2,528,494 (100%)
RMK7 (1996-2000) (RM)	Peruntukan (96.54%)	1,027,167,000 (2.44%)	25,970,000 (1.02%)	10,902,000 (100%)	1,064,039,000
	Bil. Murid (1996)	2,128,227 (75.30%)	595,451 (21.07%)	102,679 (3.63%)	2,826,357 (100%)
RMK8 (2001-2005) (RM)	Peruntukan (96.10%)	4,708,800,000 (2.73%)	133,600,000 (1.17%)	57,600,000 (100%)	4,900,000,000
	Bil. Murid (2001)	2,236,428 (76.04%)	615,688 (20.93%)	89,040 (3.03%)	2,914,156 (100%)
RMK9 (2006-2010) (RM)	Peruntukan (95.06%)	4,598,120,000 (3.60%)	174,340,000 (1.34%)	64,840,000 (100%)	4,837,300,000
	Bil. Murid (2006)	2,298,808 (75.74%)	636,124 (20.96%)	100,142 (3.30%)	3,035,074 (100%)

Sumber:

- (1) *Jawapan Menteri-menteri Pelajaran kepada pertanyaan ahli parlimen mengenai peruntukan pembangunan sekolah di Dewan Rakyat pada 5 November 1996 dan 31 Mac 2005.*
- (2) *Ucapan Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 di Dewan Rakyat pada 31 Mac 2006.*
- (3) *Jawapan Timbalan Menteri Pelajaran kepada pertanyaan ahli parlimen mengenai peruntukan pembangunan sekolah di Dewan Rakyat pada 13 April 2006.*
- (4) *Bilangan murid diambil daripada laporan perangkaan pendidikan tahun 1991, 1996, 2001 dan 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran.*

Pada 7 Mac 2005, terdapat tujuh buah pertubuhan iaitu Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong), Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong), Jawatankuasa Penyelarasan Tujuh Buah Persatuan Clan Cina, Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia, Persatuan Siswazah Universiti Nanyang Malaya telah mengemukakan satu memorandum bersama mengenai Rancangan Malaysia Ke-9 kepada kerajaan. Memorandum tersebut juga disampaikan kepada Unit Perancang Ekonomi Negara, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kewangan. Pada 22 April 2006, pertubuhan-pertubuhan tersebut telah mengeluarkan satu kenyataan bersama menyatakan bahawa pembangunan SJKC masih diabaikan selepas kerajaan mengumumkan Rancangan Malaysia Ke-9.

Sebagai sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat, kerajaan seharusnya mendengar pandangan rakyat agar melayani SJKC dan SJKT dengan adil dan munasabah di samping mengagihkan sumber pendidikan dengan baik untuk membangunkan setiap

aliran sekolah. Ini meliputi:

1. Kerajaan seharusnya mengambil kira bilangan murid dan keperluan pembangunan setiap aliran sekolah sebagai faktor pertimbangan utama dalam menggubal satu sistem yang jelas bagi mengagihkan peruntukan pembangunan dan tanah rizab sekolah yang mencukupi kepada setiap aliran sekolah. Selain itu, kerajaan haruslah memansuhkan klasifikasi sekolah mengikut "sekolah bantuan penuh" dan "sekolah bantuan modal".
2. Kerajaan seharusnya menambah peruntukan pembangunan sekolah rendah sebanyak RM 2 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, iaitu pertambahan daripada RM 4.8373 bilion kepada RM 6.8373 bilion. Sebanyak RM 2.23918 bilion daripada jumlah RM 6.8373 bilion tersebut haruslah diagihkan kepada SJKC, SJKT, sekolah mubaligh dan sekolah agama untuk tujuan-tujuan pembangunan sekolah seperti pembinaan sekolah baru, pembinaan semula sekolah, penambahan dan penyelenggaraan bangunan sekolah, pembaikan kemudahan asas yang lain dan persekitaran sekolah. Oleh itu, kerajaan seharusnya mengemukakan satu usul kepada parlimen dengan secepat mungkin supaya meluluskan penambahan peruntukan pembangunan sekolah rendah sebanyak RM 2 bilion. Selain itu, semasa mengemukakan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-9 kepada parlimen, kerajaan haruslah juga mengumumkan hasil yang diperolehi dan masalah yang dihadapi dalam penggunaan RM 6.8373 bilion tersebut agar dapat membuat kajian semula, penyelarasan dan pembaikan yang sewajarnya.

4.8 Membantu pembangunan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)

Semenjak pelaksanaan Akta Pelajaran 1961, sekolah-sekolah menengah Cina yang membantah

penukaran kepada sekolah menengah Inggeris (iaitu Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan) terpaksa menanggung sendiri segala perbelanjaan pendidikan dan diusahakan oleh masyarakat setempat. Kini, negara kita mempunyai 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dengan sejumlah 60 ribu orang pelajar dan 3 ribu orang guru.

Dalam proses membangunkan pendidikan bahasa ibunda dan meneruskan kesinambungan budaya, secara dasarnya SMPC juga memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam kurikulum kebangsaan dan mewajibkan semua pelajarnya mengambil dan menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris.

Sepanjang 30 tahun ini, SMPC memikul tanggungjawabnya dalam mendidik anak-anak negara ini dan telah melahirkan sebanyak 160 ribu orang tamatan menengah tinggi yang mempunyai asas penguasaan tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Mereka melanjutkan pendidikan tinggi dan memasuki bidang pekerjaan atau membina kerjaya sendiri di dalam dan luar negara. Golongan ini menyumbang kepada pembangunan negara dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, sains dan teknologi dan sebagainya.

Oleh itu, kami mencadangkan agar kerajaan meminda PIPP supaya menggubal dasar dan rancangan untuk memberi bantuan kewangan yang berterusan kepada SMPC seumpama dengan amalan kerajaan memberi peruntukan kewangan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan. Selain itu, kami mencadangkan agar kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) SMPC dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan maktab perguruan bagi melahirkan tenaga manusia yang menyumbang kepada pembangunan negara dan mengatasi masalah kekurangan guru di SJKC.

4.9 Menyelesaikan masalah kekurangan guru di

SJKC dengan sempurna

Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, SJKC sudah berhadapan dengan masalah kekurangan guru. Pada awal tahun ini, perangkaan KPM menunjukkan bahawa SJKC masih memerlukan lebih kurang seribu orang guru sandaran tidak terlatih bagi mengisi jawatan kosong. Dalam usaha negara membangun ke arah menjadi sebuah negara maju, masalah kekurangan guru di SJKC masih tidak dapat diatasi. Keadaan ini sukar diterima oleh rakyat.

Mengikut PIPP, KPM memperuntukkan RM16 billion untuk melaksanakan pelbagai projek bagi mempertingkatkan kualiti guru dan memartabatkan profesion keguruan. Usaha KPM tersebut amat dialu-alukan kerana guru yang bertauliah dan mencukupi adalah faktor utama bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan negara kita. Tetapi apa yang mengecewakan adalah PIPP tidak menyatakan formula penyelesaian masalah kekurangan guru di SJKC.

Kami mencadangkan supaya kerajaan menggubal dan mengumumkan suatu sistem dan rancangan-rancangan yang sempurna bagi latihan perguruan, penempatan guru, pengambilan semula guru bersara wajib secara kontrak dan sebagainya. Ini bagi memastikan SJKC mempunyai guru terlatih yang mencukupi dan sesuai bagi menyelesaikan masalah kekurangan guru yang dihadapinya, dan seterusnya mencapai matlamat mensifarkan guru sandaran tidak terlatih.

(5) PENUTUP

Secara keseluruhannya, PIPP merupakan satu dokumen kerajaan yang menerangkan secara lebih menyeluruh, mendalam, terperinci, bersistematik, profesional, berstrategi, dan berpandangan ke hadapan dalam isu-isu perancangan pembangunan pendidikan negara sejak setengah abad negara kita mencapai kemerdekaan.

Pertama, PIPP menyatakan bahawa negara kita hendaklah mempertingkatkan daya produktiviti dan

活动 / 专题

事件 / 专题

文獻

图表与数据

编后语

编委会名单



persaingan melalui pembangunan modal insan bagi menghadapi cabaran dan tekanan besar akibat daripada persaingan antarabangsa pada era globalisasi dan teknologi maklumat. PIPP juga menegaskan bahawa pendidikan yang berkualiti, terutamanya peningkatan kualiti pendidikan asas bagi semua rakyat adalah faktor penentu kepada pembangunan modal insan. Ini merupakan satu strategi yang menyeluruh dan amat tepat sekali serta berjaya mengambil kira faktor-faktor kritikal yang penting.

Kedua, PIPP telah meletakkan akses dan ekuiti pendidikan sebagai asas kerangka bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan untuk semua rakyat, dan mengemukakan enam teras strategik dan mekanisma pelaksanaannya. PIPP menggunakan banyak perangkaan bagi menyokong hujah-hujahnya dan mengemukakan pelbagai langkah-langkah terperinci untuk melaksanakan keenam-enam strategi tersebut untuk mencapai matlamatnya. Oleh itu, perancangannya agak lengkap dan menyeluruh serta mempunyai arah pemikiran yang teliti dan profesional.

Walau bagaimanapun, sekiranya meneliti dokumen tersebut, didapati doktrin hegemoni Melayu (*Malay hegemony*) muncul di dalam PIPP. Hal ini merupakan satu kecacatan besar dan menjejaskan PIPP. Tindakan kerajaan jelas bercanggah dengan apa yang dikatakannya. Semasa melaung-laungkan slogan kepelbagaian dan keterbukaan, PIPP juga berpegang kuat kepada fahaman yang *unilateral* dan tertutup. Ini adalah satu kontradiksi yang besar sekali.

Dasar hubungan etnik yang betul adalah penting kepada pembangunan dan keharmonian negara, terutamanya di sebuah negara berbilang kaum. Sekiranya tidak, kesannya adalah amat merisaukan. Walaupun negara kita sudah merdeka selama 50 tahun, doktrin hegemoni Melayu merupakan batu penghalang kepada perpaduan rakyat dan menghantui negara kita untuk menuju ke arah pembangunan yang harmoni, maju dan makmur.

Selepas perang dunia kedua, tanah-tanah jajahan di merata dunia menuntut kemerdekaan,

kebebasan dan revolusi. Penduduk berbilang bangsa di Malaya/Malaysia bersatu padu dan berusaha mencapai kemerdekaan daripada belenggu pemerintahan British. Rakyat berbilang bangsa negara ini sepatutnya pasti dapat bersama-sama membina sebuah negara baru yang makmur dan harmoni berlandaskan dasar yang saksama, hormat-menghormati, bantu-membantu dan cinta-mencintai. Akan tetapi, proses pembinaan negara kita tidaklah selancar yang diharapkan akibat daripada fahaman Ketuanan Melayu, terutamanya pada awal tahun 1970-an apabila kerajaan membeza-bezakan rakyat negara ini kepada kaum bumiputra dan kaum bukan bumiputra. Ini telah menyebabkan perpecahan dan menjejaskan hubungan baik antara kaum, malah mewujudkan perasaan tidak puas hati, ketegangan dan perselisihan. Oleh itu, kerajaan hendaklah menggugurkan doktrin hegemoni Melayu.

Perang dingin yang berlanjutan selama setengah abad selepas perang dunia kedua adalah penyebab utama kepada doktrin hegemoni kaum. Ideologi politik yang dominan pada masa itu adalah bersifat konservatif, menutup pemikiran, *unilateral* dan berpusatkan satu bangsa.

Oleh itu, negara-negara yang maju dan kuat pada masa itu seperti Amerika Syarikat yang berbilang bangsa juga melaksanakan dasar asimilasi "*melting pot*" yang berlandaskan fahaman dominan bangsa *White Anglo-Saxon Protestant* (WASP). Negara kita yang lebih mundur, lemah dan kecil seperti Malaysia yang berbilang bangsa pula melaksanakan dasar asimilasi dan "matlamat muktamad" (sekolah satu aliran) yang berlandaskan kepada fahaman dominan bumiputra, bangsa Melayu, dan Islam.

Era perang dingin telah berlalu selepas kejatuhan Soviet Union pada awal tahun 1990-an. Dalam abad ke-21, persaingan teknologi dan ekonomi telah mengatasi persaingan ideologi, politik dan ketenteraan dalam perhubungan antarabangsa. Dunia ini telah memasuki satu era baru yang mengutamakan demokrasi, hak asasi manusia, kepelbagaian, keterbukaan, persaingan sengit dan perubahan cepat bagi mencapai keadaan

menang-menang untuk pelbagai pihak walaupun Amerika Syarikat masih melaksanakan dasar unilateral bagi mengekalkan kedudukan hegemoninya di peringkat antarabangsa.

Kini, ekonomi yang bersifat global, perluasan informasi, kepelbagaian kebudayaan, dan pendemokrasian pendidikan memberi impak besar terhadap negara-negara dunia ini. Kerajaan kita kelihatan hilang hala tujunya dalam menghadapi persaingan antarabangsa yang sengit. Contohnya, pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun 2003 telah menjejaskan asas pendidikan bahasa ibunda dengan seriusnya. Selain itu, pihak yang berkenaan masih berpegang kepada pandangan Aminuddin Baki dan menegaskan hasratnya untuk terus melaksanakan “maktamat muktamad” Penyata Razak 1956 dan program Sekolah Wawasan. Mereka mengetahui tetapi tidak ingin menerima satu fakta, iaitu persaingan antarabangsa yang dihadapi oleh negara kita tidak dapat ditangani oleh bangsa Melayu secara sendiri, tetapi hendaklah bergabung tenaga dengan bangsa-bangsa lain bagi mengatasi cabaran tersebut dengan berkesan. Sekiranya kita melihat dari sudut ini, bangsa-bangsa lain seperti bangsa Cina merupakan rakan sekutu kepada bangsa Melayu, dan bukannya musuh pesaingan.

Dong Jiao Zong menyokong strategi *glocalization* dalam menangani kontradiksi di antara pendidikan bahasa ibunda, localization dan globalization, iaitu tidak menjejaskan pendidikan dan kebudayaan sesuatu bangsa supaya ia dapat meneruskan kesinambungan dan pembangunannya di samping berkeyakinan bersaing di peringkat antarabangsa serta memperkayakan isi dan wajah dunia pendidikan dan kebudayaan.

Kami berharap kerajaan membatalkan pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, menggugurkan dasar yang menghadkan pembangunan pendidikan dan kebudayaan sesuatu bangsa supaya SJKC dan SJKT

yang baru dapat dibina secara sistematik berasaskan kepada keperluan penduduk komuniti di samping menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi dan profesional, kemudahan yang baik dan moden. Selain itu, kerajaan seharusnya memperkasakan kesemua aliran sekolah dan bukannya terhad kepada sekolah kebangsaan sahaja.

Kami juga berpendapat bahawa kepelbagaian aliran pendidikan, dan kandungan pendidikan yang pelbagai dapat membantu negara kita melahirkan pelbagai jenis modal insan. Dengan itu, barulah negara kita memiliki kelebihan persaingan, terutamanya dari segi modal insan.

Negara kita adalah sebuah negara berbilang bangsa. Ciri-ciri kepelbagaiannya dibentuk oleh beberapa tamadun seperti tamadun Islam, China dan India. Selain itu, sistem pendidikan negara kita yang berbilang aliran sekolah sudah mencapai suatu tahap pembangunan tertentu. Oleh itu, negara kita seharusnya mencungkil dan membangunkan sumber-sumber tersebut bagi mempertingkatkan daya saing dan kekuatan negara.

Dalam wawancaranya pada dua minggu sebelum pelancaran PIPP, bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Musa Hitam menyeru kerajaan mengkaji semula sistem pendidikan negara, dan melibatkan semua rakyat dalam menggubal satu dasar pendidikan yang baru dan memenuhi keperluan masa hadapan bagi menggantikan dasar pendidikan yang telah diguna pakai selama setengah abad. Beliau juga menegaskan bahawa setiap lapisan rakyat hendaklah memberi pandangan masing-masing, manakala kerajaan hendaklah juga mengambil berat tentang pandangan rakyat. Dengan itu, barulah negara kita dapat mengadakan satu dasar pendidikan yang dapat mewakili semua rakyat. Beliau juga berkata bahawa kajian semula tersebut merupakan satu kempen untuk semua rakyat dan mungkin mengambil masa satu tahun untuk mengumpul pandangan rakyat supaya dapat menentukan hala tuju dasar pendidikan negara untuk 50 tahun akan datang. Oleh itu, kita hendaklah

memulakan langkah pertama ini. Dong Jiao Zong berpendapat bahawa kerajaan dan rakyat haruslah mengambil berat tentang cadangan yang diutarakan oleh Tun Musa Hitam.

Selain itu, PIPP yang dilancarkan pada Januari 2007 sebenarnya telah dilaksanakan mulai tahun 2006. Sekiranya pendidikan merupakan satu kerjaya bersama rakyat, maka PIPP yang begitu penting tersebut sepatutnya hendaklah mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak. Oleh itu, secara seriusnya boleh dikatakan bahawa PIPP tidak memaparkan pandangan umum rakyat.

Demi perpaduan rakyat dan pembangunan jangka panjang negara, kerajaan hendaklah bersikap terbuka dan mendengar pandangan pelbagai pihak terhadap PIPP. KPM hendaklah membetulkan bahagian-bahagian dalam PIPP yang tidak memenuhi keadaan negara berbilang bangsa, budaya dan bahasa agar dapat menepati keperluan, hak dan kepentingan semua rakyat untuk mempercepatkan negara kita menjadi sebuah negara maju.

(6) LAMPIRAN

Kerajaan harus menggubal dan melaksanakan satu sistem sekolah komuniti yang meliputi pembinaan setiap aliran sekolah.

Pada tahun 1997, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan satu garis panduan perancangan sekolah selepas membuat rujukan kepada garis panduan Kementerian Pelajaran. Garis panduan tersebut menetapkan bahawa sebuah sekolah rendah dengan tanah seluas 5 hingga 10 ekar hendaklah disediakan bagi setiap 3000 hingga 7500 orang penduduk atau 420 hingga 1050 orang murid dalam sesuatu kawasan kejiranan. Selain itu, jarak di antara rumah kediaman dan sekolah rendah adalah sedekat 0.4 hingga 0.8 kilometer dan mengambil masa 10 minit untuk sampai ke sekolah, manakala kepadatan maksimum adalah sebanyak 210 orang murid bagi

setiap ekar tanah dan 35 orang murid bagi setiap kelas (Sila rujuk Jadual 1, Rajah 1 dan Rajah 2). Perancangan tersebut membolehkan murid-murid belajar di sekolah dalam kawasan perumahannya dan memudahkan perjalanan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Ini membantu pelaksanaan sistem sekolah satu sesi dan peningkatan kualiti pendidikan.

Pada hakikatnya, kerajaan mempunyai satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah komuniti supaya dapat menubuhkan beberapa buah sekolah di dalam sesuatu kawasan komuniti untuk menghasilkan satu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang baik. Akan tetapi, pelaksanaan sistem sekolah komuniti tersebut hanya mementingkan pembinaan sekolah kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan dan sekolah agama. Ia selalunya tidak mengambil inisiatif yang proaktif untuk memasukkan SJKC dan SJKT ke dalam sistem perancangan dan pembinaan sekolah komuniti di samping tidak memperuntukkan tanah dan wang untuk pembinaan sekolah tersebut.

Kerajaan seharusnya menggubal dan melaksanakan satu sistem sekolah komuniti untuk pembinaan setiap aliran sekolah. Sistem tersebut haruslah berasaskan kepada prinsip-prinsip perancangan sekolah komuniti, struktur penduduk, keperluan dan pilihan pendidikan penduduk terhadap setiap aliran sekolah di samping mengambil inisiatif yang proaktif untuk mengadakan satu mekanisma pengagihan tanah rizab sekolah dan peruntukan pembangunan untuk pembinaan setiap aliran sekolah.

Selain itu, kerajaan haruslah memasukkan projek-projek pembinaan setiap aliran sekolah ke dalam sistem perancangan pembangunan negara, iaitu rancangan pembangunan negara lima tahun (Rancangan Malaysia), belanjawan tahunan, pelan dan projek pembangunan pendidikan Kementerian Pelajaran, pelan-pelan pembangunan bandar dan desa (pelan struktur dan pelan tempatan), projek-projek pembangunan perumahan di seluruh negara, dan garis panduan perancangan sekolah.

Kerajaan seharusnya melaksanakan dasar kepelbagaian di atas supaya membina setiap aliran sekolah secara proaktif. Mengikut garis panduan perancangan sekolah yang dikeluarkan oleh kerajaan, sesuatu kawasan komuniti yang mempunyai 22500 orang penduduk (7500 x 3) hendaklah disediakan 3 buah sekolah rendah (Sila rujuk Jadual 1, Rajah 3 dan Jadual 2). Oleh itu, kerajaan harus mengagihkan ketiga-tiga buah sekolah rendah dan tanah rizab sekolah rendah tersebut kepada setiap aliran sekolah rendah. Contohnya, ketiga-tiga buah sekolah rendah di sesuatu kawasan komuniti digunakan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Kebangsaan (SK), sebuah Sekolah

Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), ataupun dua buah SK dan sebuah SJKC. Pengagihan yang sebenarnya adalah mengikut keadaan kawasan tersebut. Pada masa yang sama, kerajaan boleh melaksanakan program integrasi murid-murid dan aktiviti-aktiviti penduduk di dalam sesuatu kawasan komuniti untuk menggalakkan semangat “hidup dan makmur bersama” (*coexistence and co-prosperity*) serta saling memahami, menghormati, menghargai dan mempelajari antara satu sama lain. Ia dapat menyumbang kepada kemajuan, perpaduan dan keharmonian negara kita.

Jadual 1: Garis panduan perancangan sekolah rendah


Sekolah Rendah	Piawaian Penduduk	Bilangan Murid	Bil Murid Per Kelas	Keluasan Sekolah	Kawasan Tadahan
12 bilik darjah	3,000	420	Maksimum	5-10 ekar	0.4-0.8 km
24 bilik darjah	6,000	840	35 orang	(2-4 hektar)	(1/4-1/2 batu)
30 bilik darjah	7,500	1,050	per kelas		10 minit masa perjalanan

Sumber: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, *Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 1997.*

Rajah 1: Murid-murid bersekolah di dalam kawasan komuniti sendiri




Rajah 2: Jarak dan masa perjalanan di antara rumah kediaman dan sekolah





Rajah 3: Perancangan sekolah komuniti



Nota :

- 3 unit perumahan (2500 orang penduduk) membentuk satu unit kejiranan (7500 orang penduduk). 3 unit kejiranan pula membentuk satu unit komuniti (22500 orang penduduk). Beberapa unit komuniti membentuk satu bandar.
- Unit kejiranan merupakan satu kawasan kediaman yang kecil dan dibekalkan dengan keperluan biasa. Barangan dan perkhidmatan asas serta

kemudahan awam berada di dalam lingkungan jarak perjalanan. Murid-murid dapat belajar di sekolah yang berhampiran. Penduduk dapat menikmati kemudahan dan perkhidmatan dalam jarak perjalanan.

- “Konsep kejiranan” digunakan dalam perancangan dan pembinaan sekolah di sesuatu kawasan komuniti yang mempunyai tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah supaya para pelajar dapat belajar di sekolah dalam kawasan perumahannya. Setiap jenis sekolah mempunyai kawasan tadahan perkhidmatan sendiri. Faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam perancangan dan pembinaan sekolah meliputi faktor penduduk, jarak dan masa perjalanan, keadaan topografi dan keluasan tapak sekolah, serta bilangan murid (termasuk bilangan kelas, bilik darjah, bilangan murid per kelas).

Jadual 2: Keperluan bilangan dan jenis sekolah di sesuatu kawasan komuniti

Perkara	Bilangan
Penduduk komuniti	22500 (7500 x 3) orang penduduk
Tadika	9 buah
Sekolah rendah	3 buah
Sekolah menengah	1 buah

Disediakan oleh

Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong)